ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI 70 TAHUN 1956-2026
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"MEREKA bergembira dengan ganjaran nikmat dan limpah kurnia daripada Allah. Dan sesungguhnya Allah tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang beriman".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ali-'Imran, ayat 171.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.28 | ASAR 3.48 | MAGHRIB 6.36 | ISYAK 7.49
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 92 | 3 OGOS 2026 / 1448 صفر 19 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
DAULAT KEBAWAH DULI TUAN PATIK 80 Tahun

# MANIFESTASI PENGHORMATAN TERHADAP KEPIMPINAN, KEWIBAWAAN RAJA SANJUNGAN RAKYAT



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit (*Lihat muka 3 hingga 5*).**

# Belia pelapis, harapan bangsa

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**TUTONG**, Ahad, 2 Ogos. - Belia merupakan satu kumpulan atau golongan yang amat penting dalam sesebuah negara kerana mereka adalah tenaga penggerak pembangunan, pelapis kepimpinan dan harapan bangsa pada masa hadapan. Apa yang berlaku kepada generasi belia pada hari ini akan menentukan keadaan negara pada masa akan datang.

Belia hendaklah mempunyai akhlak yang baik, berilmu, beriman dan berintegriti. Para belia juga perlulah menggunakan masa muda mereka dengan perkara yang bermanfaat dan memperkukuhkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Sembahyang lima waktu hendaklah dijaga dengan sempurna, Al-Quran hendaklah dijadikan teman harian, doa dan zikir hendaklah menjadi amalan yang berterusan.

>> Muka 9

# Teroka kerjasama strategik memperkukuh keterjaminan makanan negara

**Siaran Akhbar : Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Ogos. - Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam (BTHMUI) telah mengadakan Lawatan Kerja ke ladang Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak yang terletak di Lot G, Simpang 31, Jalan Lampaki, Kampung Mulaut, sebagai sebahagian daripada usaha meninjau potensi kerjasama strategik dan peluang pembangunan dalam sektor agromakanan, khususnya dalam menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

>> Muka 10

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama



MESYUARAT Agung Tahunan kongsi pembentangan, aktiviti Rabitah

Muka 9




NBD sokong pemeteraian persetujuan Ipoh Accord

Muka 12



PROGRAM perkasa kebolehpasaran graduan bidang agama

Muka 13



RENCANA

MENGATASI Burnout : Mengembalikan semangat dan motivasi

Muka 21

Pelita Brunei

# Pelancongan pemangkin pertumbuhan ekonomi pelbagai dan mampan negara



**MENTERI Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap pada acara Perasmian Prapelancaran Tahun Melawat Brunei 2027 pada Sabtu, 20 Jun 2026 yang berlangsung di Jerudong Park Garden.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Haji Mirazman Haji Othman**

**Bismillahir Rahmanir Rahim,**
**Alhamdulillahi Rabbil Alameen,**
**Wassalatu Wassalamu Ala Asyrafil Anbiyaie Wal Mursalin**
**Sayyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wassahbihi Ajmain.**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**ALHAMDULILLAH**, segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kaum keluarga, para sahabat serta pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Hamba Duli Tuanku dengan penuh hormat dan takzim, selaku wakil keseluruhan Ahli Jawatankuasa Pandu dan Ahli Jawatankuasa Kerja Tahun Melawat Brunei 2027 (Visit Brunei Year 2027) sukacita menyembahkan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Duli Tuanku di atas keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis Prapelancaran Visit Brunei Year 2027 dan seterusnya berkenan menyempurnakan Majlis Prapelancaran Visit Brunei Year 2027 ini.

Sesungguhnya, keberangkatan Duli Tuanku ke Majlis ini akan menjadi dorongan kepada *abis* hamba Duli Tuanku sekalian dalam melaksanakan inisiatif Visit Brunei Year 2027 pada tahun hadapan.

Sebelum hamba Duli Tuanku meneruskan sembah alu-aluan ini, hamba Duli Tuanku dengan penuh takzim menjunjung sabda perkenan Duli Tuanku menyampaikan sepatah dua kata di dalam bahasa Inggeris.

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala, kita berkumpul di sini malam ini untuk menandakan satu peristiwa penting dalam perjalanan kita menuju Tahun Melawat Brunei 2027, yang bertepatan dengan Sambutan Jubli Intan Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 Menaiki Takhta.

Tahun Melawat Brunei 2027 lebih daripada sekadar kempen pelancongan. Ia merupakan jemputan negara kepada dunia untuk meneroka keindahan, warisan, nilai dan aspirasi Negara Brunei Darussalam.

Ia merupakan peluang untuk kita mempamerkan siapa kita sebagai sebuah negara yang dikurniakan hutan hujan asli, warisan budaya yang kaya, komuniti yang meriah dan cara hidup yang damai yang berakar umbi dalam nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB). Yang paling penting, ia merupakan tempat di mana kehangatan, kebaikan dan layanan yang tulen merupakan cara hidup, meninggalkan kesan yang berkekalan kepada semua yang melawat negara kita.

Pada malam ini, kami dengan sukacitanya memperkenalkan bukan sahaja logo dan maskot rasmi tetapi juga lagu tema rasmi Tahun Melawat Brunei 2027.

Tema, 'The Abode of Peace' bukan sekadar slogan. Ia mencerminkan siapa kita dan bagaimana kita dikenali oleh dunia. Sebuah negara yang menawarkan sesuatu yang semakin jarang ditemui dalam dunia yang pantas dan sentiasa berubah hari ini: keamanan, keaslian dan keharmonian.

Kisah pelancongan Brunei Darussalam adalah kisah budaya, alam semula jadi dan pengembaraan. Daripada tradisi dan warisan Islam kita yang kaya, kepada hutan hujan dan biodiversiti kita yang belum tercemar, serta pengembaraan unik dan pengalaman asli yang terdapat dalam komuniti kita, Brunei Darussalam menawarkan pengalaman yang benar-benar memperkaya dan tidak dapat dilupakan kepada pengunjung, yang memupuk hubungan yang bermakna dan kesan yang berkekalan.

Kejayaan Tahun Melawat Brunei 2027 tidak akan dapat dicapai oleh satu organisasi sahaja. Ia memerlukan usaha kolektif agensi kerajaan, syarikat penerbangan, pemain industri, komuniti tempatan dan rakan kongsi strategik. Oleh itu, saya ingin merakamkan penghargaan yang ikhlas kepada semua pihak berkepentingan, penaja, rakan kongsi dan semua yang telah menyumbang ke arah inisiatif ini. Ini hanyalah permulaan dan kami berharap dapat mengalu-alukan lebih ramai rakan kongsi untuk menyertai kami dalam usaha kami bersama-sama untuk merealisasikan visi Tahun Melawat Brunei 2027.

Pada malam ini, kami juga berbesar hati untuk mempamerkan Kalendar Acara Tahun Melawat Brunei 2027. Pavilion ini mempersembahkan perjalanan sambutan dan penemuan selama setahun, memperingati Jubli Intan sambil mengetengahkan pelbagai pengalaman yang ditawarkan oleh Brunei Darussalam.

Sepanjang tahun para pengunjung dan penduduk tempatan sama-sama berpeluang menikmati pelbagai acara yang disusun dalam kalendar tahunan yang penuh meriah. Antaranya termasuk festival yang meraikan keindahan alam semula jadi, seni dan budaya, kreativiti, warisan, pengalaman kulinari, sukan serta aktiviti rekreasi. Kemuncak sambutan tersebut ialah bagi memperingati Sambutan Ulang Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-60 Menaiki Takhta.

>> Muka 10

## WAKTU SEMBAHYANG

| OGOS MASIHI | HARI | SAFAR HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 3 | ISNIN | 19 | 4.45 | 4.55 | 6.17 | 6.40 | 12.28 | 3.48 | 6.36 | 7.49 |
| 4 | SELASA | 20 | 4.46 | 4.56 | 6.17 | 6.40 | 12.27 | 3.47 | 6.36 | 7.49 |
| 5 | RABU | 21 | 4.46 | 4.56 | 6.17 | 6.40 | 12.27 | 3.47 | 6.36 | 7.48 |
| 6 | KHAMIS | 22 | 4.46 | 4.56 | 6.17 | 6.40 | 12.27 | 3.46 | 6.36 | 7.48 |
| 7 | JUMAAT | 23 | 4.46 | 4.56 | 6.17 | 6.40 | 12.27 | 3.46 | 6.35 | 7.48 |
| 8 | SABTU | 24 | 4.46 | 4.56 | 6.17 | 6.40 | 12.27 | 3.46 | 6.35 | 7.47 |
| 9 | AHAD | 25 | 4.46 | 4.56 | 6.17 | 6.40 | 12.27 | 3.45 | 6.35 | 7.47 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 / 25 °C | 34 / 26 °C | 33 / 25 °C |
| Pekan Bangar | 31 / 25 °C | 34 / 25 °C | 32 / 24 °C |
| Pekan Tutong | 31 / 24 °C | 33 / 25 °C | 32 / 24 °C |
| Kuala Belait | 32 / 24 °C | 34 / 25 °C | 33 / 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

3 OGOS 2026

### Memperkasa belia, membina masa depan negara

**BELIA** merupakan aset paling bernilai dalam sesebuah negara. Mereka bukan sahaja pewaris kepimpinan pada masa hadapan, malah menjadi tenaga penggerak kepada kemajuan ekonomi, sosial dan pembangunan negara.

Pada era globalisasi dan revolusi digital yang berkembang pesat, golongan belia berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti persaingan dalam pasaran pekerjaan, perubahan teknologi, serta pengaruh media sosial yang semakin meluas. Cabaran ini menuntut belia untuk sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan, menguasai kemahiran baharu dan memiliki daya tahan yang tinggi. Belia yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia akan lebih bersedia menghadapi perubahan serta mampu menjadi pemimpin yang berintegriti pada masa hadapan.

Oleh itu, usaha memperkasa belia perlu menjadi keutamaan agar mereka mampu menyumbang secara aktif dalam membina sebuah negara yang maju, berdaya saing dan sejahtera.

Dalam usaha memperkasa belia, pendidikan adalah asas yang sangat mustahak. Selain kecemerlangan dalam bidang pendidikan, para belia dapat belajar kemahiran seperti kepimpinan, komunikasi, kreativiti dan semangat kerja berpasukan. Mahir dalam teknologi digital, Kecerdasan Buatan (AI) dan keusahawanan turut menjadi keperluan agar belia dapat menyesuaikan diri dengan tuntutan dunia pekerjaan yang sentiasa berubah.

Pendidikan juga membentuk sahsiah dan jati diri belia. Melalui proses pembelajaran, mereka dididik untuk mengamalkan nilai integriti, disiplin, tanggungjawab, hormat-menghormati. Pembentukan akhlak yang baik akan melahirkan belia yang beretika, berwibawa dan mampu menjadi pemimpin yang dipercayai pada masa hadapan.

Di samping itu, pendidikan memberi peluang kepada belia untuk meningkatkan taraf hidup melalui pekerjaan yang lebih baik dan keusahawanan. Dalam pada itu, para belia akan menjadi lebih peka terhadap isu masyarakat, alam sekitar dan pembangunan negara serta terdorong untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan dan khidmat masyarakat. Kesedaran ini melahirkan generasi yang bukan sahaja berjaya dalam kerjaya, tetapi juga berperanan sebagai belia yang bertanggungjawab.

Sambutan Hari Belia Kebangsaan yang diraikan pada setiap 1 Ogos. Oleh itu, para belia diseru untuk terus bersemangat, berani melangkah, memperkasa potensi diri dan tampil sebagai generasi pelapis yang berdaya tahan, berwibawa serta bersedia memikul amanah kepimpinan sekali gus menyumbang idea, tenaga dan kepakaran dalam menjayakan pembangunan negara serta merealisasikan Wawasan Brunei 2035. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Manifestasi penghormatan terhadap kepimpinan, kewibawaan raja sanjungan rakyat





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Awang Haji Sulaiman**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin**





**BELAIT**, Sabtu, 1 Ogos. – Kehadiran rakyat dan penduduk daripada pelbagai lapisan masyarakat memeriahkan Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026, sekali gus mencerminkan hubungan yang kukuh, akrab dan berterusan antara institusi beraja dengan rakyat di negara ini.

Suasana penuh mesra dan harmoni yang mewarnai sepanjang majlis jelas menggambarkan rasa kasih, taat setia serta penghormatan yang mendalam rakyat terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Keakraban yang dizahirkan melalui majlis seumpama berkenaan terus memperkukuh semangat kebersamaan yang menjadi tunjang kepada keamanan, kemakmuran dan keharmonian Negara Brunei Darussalam (NBD).

Daerah Belait merupakan daerah ketiga bagi menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke Majlis Ramah Mesra pada tahun ini. Majlis berkenaan juga merupakan wadah yang sentiasa dinanti-nantikan oleh rakyat dan penduduk sebagai peluang istimewa untuk menjunjung kasih, menzahirkan kesetiaan serta menyampaikan rasa syukur di hadapan raja yang dikasihi, di samping mengukuhkan lagi ikatan muhibah yang sekian lama menjadi teras hubungan antara raja dengan rakyat.

>> Muka 4






KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat bercemar duli (atas, atas kiri dan kiri). Manakala gambar bawah, para penuntut sekolah beratur di sepanjang tepi jalan raya menuju Padang Bandaran, Jalan Sultan, sambil mengibarkan bendera.







**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai dan menandatangani plak (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kiri, orang ramai tidak melepaskan peluang untuk berswafoto bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**

>> Muka 3

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Helipad Jalan Maulana, Kuala Belait dijunjung oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80, Tahun 2026; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Sulaiman bin Alidin dan Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.



Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Sekitar 2,700 penuntut sekolah beratur di sepanjang tepi jalan raya menuju Padang Bandaran, Jalan Sultan, sambil mengibarkan bendera-bendera kecil NBD termasuk barisan murid-murid sekolah rendah yang memegang bunga manggar dan turut dimeriahkan lagi dengan paluan hadrah bagi sama-sama mengalu-alukan keberangkatan Kebawah DYMM serta kerabat diraja.

Keberangkatan tiba Kebawah DYMM di Pentas Diraja, Padang Bandaran, Jalan Sultan, dijunjung oleh Yang Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; dan Pemangku Pegawai Daerah Belait.

Sejurus keberangkatan tiba, Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan diikuti dengan Persembahan Khas bertemakan 'Raja Terbilang, Rakyat Gemilang' yang dipersembahkan Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan kerabat diraja oleh para peserta terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah kerajaan dan swasta di samping peserta daripada agensi kerajaan dan swasta.

Ini diikuti dengan laungan 'Daulat Kebawah Duli Tuan Patik' sebanyak tiga kali.

Kebawah DYMM berserta kerabat diraja seterusnya berkenan berangkat ke Pentas Persembahan Khas untuk sesi bergambar ramai bersama para peserta dan kemudiannya dijunjung berangkat bercemar duli bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait.

Berangkat mengiringi Kebawah DYMM ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

>> Muka 5





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan memotong kek (atas), manakala gambar atas kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan. Sementara gambar bawah kanan, Kebawah DYMM dan paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai. Manakala gambar bawah, baginda dan kerabat diraja berkenan menaiki kenderaan khas.**









**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan Santap berhampiran Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait (kiri dan atas).**

>> Muka 4

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM juga berkenan menerima beberapa pesambah yang disembahkan khas sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80.

Antara yang menyertai bagi menjunjung keberangkatan baginda berserta kerabat diraja ialah para penduduk dari tujuh buah mukim di Daerah Belait, beberapa buah persatuan, warga emas, institusi pendidikan; syarikat-syarikat berkaitan industri minyak dan gas; syarikat-syarikat swasta serta Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dan Pasukan British Force Brunei.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan memotong Kek Hari Keputeraan baginda (atas). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, Kebawah DYMM dan kerabat diraja dijunjung bergambar ramai.**

Sejurus selesai bercemar duli, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja dijunjung berangkat bagi Majlis Santap di Dewan Santap berhampiran Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Belait.

Pada majlis berkenaan, Kebawah DYMM berkenan memotong Kek Hari Keputeraan baginda ke-80 tahun.

Baginda juga disembahkenalkan kepada empat individu yang memberi sumbangan signifikan kepada negara, iaitu Awang Reduan Yusop (Kategori Kesukanan); Dayang Dr. Vanessa Teo (Kategori Keusahawanan); Awang Ajis bin Haji Dollah (Kategori Kemasyarakatan) dan Dayang Dr. Mas Munira binti Haji Rambli (Kategori Pendidikan).

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Yang Arif Mohamad Shah bin Haji Taip.

Sebelum berangkat meninggalkan Dewan Santap, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli jawatankuasa tertinggi dan jemputan-jemputan khas.

Turut berangkat dan hadir, Yang Amat Mulia Pengiran - pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Timbalan - timbalan Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap.

Rakyat dan penduduk Daerah Belait merafakkan sembah tahniah dan menzahirkan doa agar Kebawah DYMM sentiasa berada dalam limpah rahmat, perlindungan dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, kesihatan yang berpanjangan serta kekal karar memerintah NBD dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk berkenaan merupakan acara keraian utama yang menghimpunkan seluruh rakyat dan penduduk untuk bersatu padu, berganding bahu, bersama-sama menyertai dan meraikan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM di keempat-empat daerah dengan tujuan menzahirkan rasa syukur, penghargaan serta ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis baginda.

Majlis berkenaan juga menjadi manifestasi penghormatan terhadap kepimpinan, kewibawaan dan kebijaksanaan baginda dalam menerajui NBD sehingga terus menikmati keamanan, kemakmuran, kestabilan serta kesejahteraan dan rakyat dapat menikmati kehidupan yang sejahtera, penuh kemajuan serta keharmonian.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mengurniakan Kebawah DYMM serta seluruh kerabat diraja perlindungan, rahmat dan keberkatan-Nya, melanjutkan usia baginda, kesihatan yang berpanjangan, serta kekal karar di atas takhta singgahsana kerajaan untuk terus memimpin NBD dengan penuh kedaulatan, keadilan dan kebijaksanaan.





**DOA Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Yang Arif Mohamad Shah bin Haji Taip (bawah), manakala gambar kanan dan kanan sekali, antara yang berangkat dan hadir pada majlis berkenaan.**







PELITA BRUNEI

# PERSEMBAHAN KHAS MENGETENGAHKAN 'RAJA TERBILANG, RAKYAT GEMILANG'

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat menyaksikan Persembahan Khas.**



**BELAIT**, Sabtu, 1 Ogos. - Rakyat dan penduduk di Daerah Belait setia menanti bertemu dengan raja yang dikasihi dalam keadaan cuaca yang cerah dan indah dengan kehadiran segenap lapisan masyarakat untuk sama-sama menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, Tahun 2026.

Pada Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Belait, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan Persembahan Khas dengan tema 'Raja Terbilang, Rakyat Gemilang' yang berlangsung di kawasan Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait hari ini.

Persembahan Khas sempena Majlis Ramah Mesra Bagi Daerah Belait pada kali ini telah melibatkan lebih 435 peserta daripada kalangan pelajar sekolah dan para belia.

Format persembahan berkenaan dibuat secara berperingkat dengan dimulai persembahan gerak laku kontemporari gabungan kelembutan, kesopanan dan dinamik yang dibentuk melambangkan rakyat menyambut keberangkatan dan mendaulatkan raja yang dihormati dan disayangi.

Konsep persembahan berkenaan juga menggambarkan generasi belia Negara Brunei Darussalam (NBD) yang bersemangat, proaktif, berjiwa besar, progresif, dinamik dan berwawasan yang ceria dan gembira terhadap kepimpinan dan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang adil dan bijaksana.

Ia juga digabungkan dengan tarian kontemporari, nyanyian koir yang diiringi oleh gabungan alat muzik tradisional dan moden *(live band)*.

Manakala persembahan *grand finale* khususnya dari Daerah Belait yang ceria dan gembira meraikan Hari Keputeraan raja yang berdaulat lagi terhormat dan disayangi rakyat diekspresifkan melalui sebuah lagu tema khas iaitu 'Raja Terbilang, Rakyat Gemilang'.

Tema 'Raja Terbilang, Rakyat Gemilang' adalah menghuraikan mengenai usaha Kebawah DYMM dalam menjaga kemaslahatan dan kebajikan rakyat. Begitu banyak kemudahan, kesenangan dan keistimewaan yang dikurniakan demi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk akan sentiasa terjamin.

Di samping itu, kewibawaan baginda juga dapat dilihat melalui kelaziman baginda yang sering berangkat bercemar duli serta turun padang bagi meninjau sendiri hal ehwal kemajuan dan pembangunan negara dalam semua aspek kehidupan.

>> Muka 7

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Awang Haji Abas, Mohammad Hasif Matzin**







**SEBAHAGIAN yang menyertai persembahan berkenaan (atas kanan, kanan, kiri, bawah dan bawah kanan). Sementara gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.**











**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja dijunjung bergambar ramai bersama para peserta Persembahan Khas.**

>> Muka 6

Kebawah DYMM sangat dikasihi oleh rakyat dan penduduk NBD kerana berjiwa rakyat dan baginda adalah ikon dan inspirasi generasi berwawasan.

Dengan kepimpinan baginda yang telah merealisasikan wawasan negara dapat disaksikan dengan terlaksananya pelbagai kemajuan dalam membentuk rakyat dan bangsa yang beragama, berpendidikan dan negara yang mempunyai kestabilan ekonomi serta pembangunan sekali gus menjadikan NBD yang dikenali serta dihormati di serata dunia.

NBD sangat bertuah kerana mempunyai seorang raja yang berwawasan dalam memimpin negara untuk memastikan negara ini mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Baginda adalah seorang tokoh pemimpin dunia dengan berpaksikan falsafah Melayu Islam Beraja dalam setiap aspek pentadbiran negara dan sosiobudaya yang bersendikan ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah.

Kebawah DYMM juga merupakan seorang pemimpin yang berwawasan serta bercita-cita tinggi dalam memastikan kemakmuran serta kesejahteraan negara. Baginda adalah seorang raja yang adil saksama dalam memerintah negara, sangat peka, prihatin, pemurah dan sangat bertanggungjawab ke atas segala hal ehwal kebajikan rakyat dan negara.









**PERSEMBAHAN Khas dengan tema 'Raja Terbilang, Rakyat Gemilang' yang berlangsung di kawasan Padang Bandaran, Jalan Sultan, Kuala Belait (atas, atas kiri, kiri dan bawah).**



# BERKENAN BERANGKAT SERTAI THE HUNTR CHALLENGE

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit, Mohammad Hasif Matzin**




**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai The Huntr Challenge yang diadakan di Dewan BRIDEX 2, Jerudong (atas dan kanan).**



**JERUDONG**, Ahad, 2 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai The Huntr Challenge yang dianjurkan oleh Huntr Evnt Sdn. Bhd. bersempena Brunei Fitness Festival (BFF) 2026.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berkenan menyertai Kategori Cabaran Berpasukan Berganti-ganti di mana cabaran tersebut menyaksikan penyertaan daripada atlet-atlet kecergasan fizikal dari dalam dan luar negara.

Diadakan di Dewan BRIDEX 2, Jerudong, di sini, The Huntr Challenge merupakan antara salah satu acara yang diadakan bersempena dengan BFF 2026 yang disokong oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Kesihatan serta dikendalikan oleh Imagine Sdn. Bhd.

The Huntr Challenge mengetengahkan aktiviti-aktiviti fizikal dan kecergasan untuk menerapkan gaya hidup aktif dan sihat.

Huntr Games adalah *fitness racing* terbaharu yang berpangkalan dari Malaysia, dengan hasil idea Pengasas Huntr Games iaitu Azrul Izzam dan Azwani Ahmad dilancarkan di Negara Brunei Darussalam hanya menggunakan satu peralatan dan *sandbag*. Ia bertujuan agar lebih ramai menyertai sukan *fitness racing* tanpa dihalang kos yang tinggi atau peralatan yang kompleks.

Seramai lebih 300 orang menyertai acara pertama yang diadakan di negara ini malah juara Program TV Physical Asia turut sama menyertai Huntr Games ini. Dengan adanya acara ini, adalah diharapkan akan dapat menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu pusat kejohanan dunia Huntr Games pada masa yang akan datang.







**ANTARA yang hadir menyertai The Huntr Challenge bersempena Brunei Fitness Festival 2026 (kanan dan kanan sekali).**

# Menggalakkan amalan gaya hidup sihat melalui aktiviti kecergasan

**Berita dan Foto : Muhammad Aiman Najib Hamzah**



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyertai *fun run* tersebut (atas). Manakala gambar kanan, acara berkenaan turut memberi kesempatan kepada para peminat untuk bertemu dan menyaksikan sendiri kehadiran Dato' Sri Siti Nurhaliza.**

**JERUDONG**, Ahad, 2 Ogos. – Orang ramai berpeluang menyertai 'SimplySiti Firstlight Run Club, Chase The Firstlight' Fun Run bersama penyanyi terkenal dari Malaysia, iaitu Dato' Sri Siti Nurhaliza, yang diadakan di Jerudong Park Playground pada hari ini, sempena dengan Brunei Fitness Festival (BFF) 2026.

Berkenan berangkat menyertai *fun run* berkenaan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Acara larian komuniti sejauh 3 kilometer berkenaan telah berjaya menghimpunkan seramai 1,200 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat dalam suasana santai dan penuh semangat, sekali gus menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta mengeratkan hubungan kemasyarakatan melalui aktiviti kecergasan.

Selain peluang berlari bersama komuniti, acara berkenaan turut memberi kesempatan kepada para peminat untuk bertemu dan menyaksikan sendiri kehadiran Dato' Sri Siti Nurhaliza yang melepaskan peserta larian, sekali gus menjadi antara tarikan utama festival berkenaan.

BFF 2026 yang berlangsung dari 29 Julai hingga 2 Ogos 2026 di BRIDEX Hall 2, Jerudong menampilkan pelbagai aktiviti kecergasan, sukan, kesihatan dan gaya hidup, melibatkan penyertaan atlet tempatan serta antarabangsa dalam usaha memupuk budaya hidup aktif dan sihat dalam kalangan masyarakat.



# BELIA PELAPIS, HARAPAN BANGSA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi program tersebut.

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

>> Muka 1

Demikian antara inti pati tazkirah bertajuk 'Belia Masa Depan Negara' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pegawai Pemantau Zon 2, Daerah Tutong, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) (KHEU), Awang Norafendi bin Norsabah bagi menyerikan Malam Munajat anjuran KHEU Ke-240 yang bersiaran dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong, baru-baru ini.

Awang Norafendi seterusnya mengongsikan menjaga akhlak dan sahsiah diri juga merupakan asas pembentukan masyarakat yang harmoni. Sikap jujur, amanah, bertanggungjawab, menghormati ibu bapa dan orang yang lebih tua juga perlu sentiasa diamalkan.

Ujar beliau, negara yang maju bukan hanya dibina oleh bangunan yang tinggi dan teknologi yang canggih tetapi turut dibina oleh rakyat terutamanya belia yang mempunyai nilai moral yang tinggi, semangat patriotisme dan rasa tanggungjawab kepada masyarakat.

Hadir bagi sama-sama menyemarakkan lagi program tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Program Malam Munajat minggu ini turut disertai oleh Ahli Jawatankuasa Takmir, para belia dan jemaah dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong serta beberapa buah masjid dan surau di seluruh negara. Juga menyertai, warga kerja KHEU dan individu yang mengikuti program ini secara maya dari kediaman masing-masing.

Atur cara Malam Munajat tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Daerah Tutong, JHEM, KHEU, Awang Haji Mohd. Aidil Sofian bin Haji Mohd. Yassin dari Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong.

Ini diikuti dengan bacaan Surah Al-Kahfi, ayat 1 hingga 10 beramai-ramai dipimpin oleh Awang Muhammad Azfar Syukri bin Azamri, salah seorang Belia Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang bersama Belia-belia Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong.

Seterusnya, Doa Munajat dibacakan oleh Imam Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong, JHEM, KHEU, Awang Abdul Raqib bin Haji Awang.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Mohammad 'Ammar Zulqarnain bin Mohammad Azril, Belia Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh pelapis Bilal Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, Daerah Tutong, JHEM, KHEU, Awang Muhammad Ahwazul Aqil bin Haji Abd. Rahman.

Program Malam Munajat bertujuan mengajak masyarakat Islam mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala melalui amalan kerohanian, memohon keampunan, membaca dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran serta merafakkan dan mengaminkan doa secara beramai-ramai dengan penuh pengharapan agar NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah dan penyakit berjangkit.

Semoga segala amalan kerohanian dan doa munajat yang kita panjatkan serta aminkan diterima dan dimakbulkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang ramai dialu-alukan untuk ikut serta dalam acara Malam Munajat yang diadakan secara maya melalui pautan berikut : *http://tiny.cc/munajatkheu.*

# Mesyuarat Agung Tahunan kongsi pembentangan, aktiviti Rabitah






YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan hadir pada Mesyuarat Agung Kali Ke-5 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (atas dan kanan).

**Siaran Akhbar dan Foto : Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Al-Syarif Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Ogos. - Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Al-Syarif Brunei Darussalam telah menganjurkan Mesyuarat Agung Kali Ke-5 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) pagi tadi.

Mesyuarat yang diadakan setiap dua tahun sekali itu bertujuan untuk meneliti dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung yang lepas serta membentangkan laporan dan penyata kewangan bagi Tahun 1446 - 1447 Hijrah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Naib Ra'es I, Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam bagi Sesi 1446 - 1447H, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif dan Ahli-ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Ahli Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Awang Muhammad Khairulmuhtadee bin Hamzah, diikuti dengan ucapan pembukaan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis Mesyuarat Agung Ke-5 Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Acara diteruskan dengan pelancaran Sautur Rabitah Edisi Ke-3 oleh Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Al-Syarif Brunei Darussalam dengan tayangan video pendek yang memaparkan isi kandungan Sautur Rabitah secara menyeluruh.

Istimewanya, Sautur Rabitah Edisi Ketiga turut memperkenalkan segmen baharu iaitu Karya Penulisan Azhari yang mengetengahkan hasil penulisan dan karya ilmiah Alumni Al-Azhar sebagai wadah perkongsian ilmu, pemikiran serta sumbangan intelektual kepada masyarakat.

Majlis diteruskan dengan meneliti dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Ke-4 Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, diikuti dengan pembentangan laporan program dan aktiviti yang telah dijalankan oleh Setiausaha Agung Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam bagi Sesi 1446 - 1447H, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman.

Mesyuarat tersebut juga menyaksikan pembubaran Jawatankuasa Eksekutif 1446 - 1447H dan pelantikan Jawatankuasa eksekutif baharu bagi penggal 1448 - 1449H.

Majlis ditutup dengan ucapan ringkas dan penangguhan daripada salah seorang wakil ahli jawatankuasa eksekutif baharu dan bacaan Surah Al – 'Asr serta tasbih Kaffarah al-Majlis secara beramai-ramai.

# TEROKA KERJASAMA STRATEGIK MEMPERKUKUH KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA

Siaran Akhbar dan Foto : Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam

>> Muka 1

Lawatan berkenaan diketuai oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah BTHMUI.

Turut menyertai rombongan, Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu; Pengarah BTHMUI, Awang Mohammad Hamita bin Haji Md. Taib; serta para pegawai kanan dan pegawai BTHMUI.

Lawatan Kerja berkenaan mencerminkan komitmen berterusan BTHMUI dalam meneroka sektor-sektor strategik yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, selaras dengan mandatnya untuk membangun, mengurus dan memajukan aset serta pelaburan MUI.

Sektor agromakanan merupakan antara bidang yang diberi perhatian memandangkan peranannya dalam memperkukuh pengeluaran makanan tempatan, meningkatkan rantaian bekalan domestik serta menyokong usaha mengurangkan kebergantungan terhadap sumber makanan import.

Atur cara lawatan dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah BTHMUI, yang antara lain merakamkan penghargaan kepada pihak Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak atas kesudian menerima kunjungan rombongan BTHMUI serta berkongsi perkembangan, pengalaman dan kepakaran syarikat dalam industri penternakan dan pemprosesan makanan halal.

Beliau menjelaskan bahawa lawatan berkenaan memberi peluang kepada BTHMUI untuk memahami dengan lebih dekat model operasi syarikat tempatan yang berpotensi, di samping menilai ruang kerjasama yang boleh diterokai dalam bidang berkaitan keterjaminan makanan, industri halal dan pembangunan rantaian nilai makanan tempatan.

Awang Mohammad Hamita turut menzahirkan penghargaan terhadap pencapaian syarikat sebagai antara perusahaan tempatan yang berjaya mengintegrasikan aktiviti penternakan, pemprosesan dan pengedaran produk makanan halal melalui penggunaan teknologi moden serta amalan terbaik industri.

Tambahnya lagi, keupayaan syarikat memenuhi permintaan pasaran, termasuk pembekalan daging bagi ibadah korban dan akikah serta korban peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mencerminkan komitmen syarikat dalam menghasilkan produk halal yang berkualiti tinggi.

Majlis diteruskan dengan sesi taklimat oleh pihak Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak mengenai sejarah penubuhan syarikat, model perniagaan, operasi semasa serta perancangan pengembangan pada masa akan datang.

Taklimat berkenaan turut memberikan gambaran mengenai pendekatan syarikat dalam menguruskan aktiviti penternakan, penggunaan teknologi, kawalan kualiti serta pembangunan rantaian nilai produk makanan halal.

Seterusnya, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan telah berkesempatan menyempurnakan penyampaian sijil penghargaan daripada pihak syarikat kepada empat pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang sedang mengikuti program latihan industri di Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak.

Penyampaian sijil berkenaan merupakan tanda penghargaan terhadap komitmen dan dedikasi para pelajar sepanjang menjalani latihan industri, di samping mencerminkan sokongan berterusan terhadap pembangunan modal insan serta pengukuhan hubungan antara institusi pengajian tinggi dengan pihak industri.

Rombongan kemudiannya dibawa meninjau kemudahan operasi syarikat termasuk kawasan penternakan 'feedlot' serta menyaksikan demonstrasi proses penyembelihan seekor ternakan sebagai sebahagian daripada penerangan mengenai pengurusan operasi dan pemprosesan produk halal. Lawatan diteruskan ke kemudahan kedai daging (*butcher shop*) bagi melihat aspek penyediaan dan pengedaran produk kepada pengguna.



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan semasa mengadakan Lawatan Kerja ke ladang Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak.

Lawatan berkenaan turut menjadi platform pertukaran pandangan mengenai cabaran industri, perkembangan sektor agromakanan, penggunaan teknologi serta prospek pembangunan industri halal tempatan. Perbincangan berkenaan diharap dapat membuka ruang kepada penerokaan kerjasama yang berpotensi antara BTHMUI dan pihak syarikat pada masa hadapan.

Melalui Lawatan Kerja berkenaan, BTHMUI berharap dapat memperoleh gambaran yang lebih menyeluruh mengenai potensi sektor agromakanan serta mengenal pasti bidang-bidang kerjasama yang berdaya maju, termasuk pembangunan industri halal, perkongsian kepakaran dan peluang pelaburan yang mampu menyumbang kepada keterjaminan makanan negara, pengukuhan aset dan pelaburan serta pembangunan sosioekonomi Negara Brunei Darussalam secara mampan.

## HALUAN

>> Muka 2

Hasrat kita bukan sahaja untuk menarik lebih ramai pelawat antarabangsa, malah juga untuk menggalakkan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam agar meneroka semula keindahan negara sendiri. Kita mengajak semua untuk melangkaui destinasi yang sudah biasa dikunjungi, menemui khazanah-khazanah tersembunyi, menyokong perniagaan tempatan serta menghayati keunikan kisah dan pengalaman yang terdapat di keempat-empat daerah di negara ini.

Setiap destinasi mempunyai cerita untuk diceritakan. Setiap komuniti mempunyai sesuatu yang unik untuk dikongsi dan setiap perjalanan menawarkan peluang untuk memperdalam penghargaan kita terhadap Brunei Darussalam.

Melalui Tahun Melawat Brunei 2027, kami berhasrat untuk merangsang aktiviti ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan, menyokong perniagaan tempatan dan memperkukuh sumbangan pelancongan ke arah pertumbuhan yang lebih pelbagai, mampan dan inklusif.

Dengan itu, saya berharap awda semua menikmati malam yang menyeronokkan dan menjemput awda semua untuk meneroka Pavilion Tahun Melawat Brunei 2027 dan sertai kami dalam perjalanan menarik yang bakal menjelang. Bersama-sama, marilah kita mengalu-alukan dunia ke Brunei Darussalam 'The Abode Of Peace'.

Sekian sahaja ucapan hamba Duli Tuanku. Sebelum hamba Duli Tuanku mengundurkan diri, izinkanlah hamba Duli Tuanku sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih di atas keberangkatan Duli Tuanku bercemar duli ke Majlis Prapelancaran Visit Brunei Year 2027 dan berkenan menyempurnakan Majlis Prapelancaran Visit Brunei Year 2027.

Pada mengakhiri sembah alu-aluan ini, hamba Duli Tuanku dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun sekiranya terdapat sebarang suruk langkah dan tutur kata yang kurang manis dalam sembah alu-aluan hamba Duli Tuanku dan dalam acara majlis pada malam ini.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Sekolah Ugama YSHHB adakan Majlis Khatam Al-Quran



ANTARA peserta khatam yang diraikan ialah Yang Mulia Pengiran Muhammad Syafiq Mubarak bin Pengiran Haji Mohamad Ezul, cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain dan Yang Mulia Pengiran Muhammad Abdul Haadee Mubasheer bin Pengiran Anak Abdul Badee', cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah (atas dan bawah). Manakala gambar bawah kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BERAKAS**, Sabtu, 1 Ogos. - Majlis Khatam Al-Quran di sekolah-sekolah ugama merupakan satu amalan yang signifikan dalam sistem pendidikan ugama di Negara Brunei Darussalam.



Ia bukan sahaja melambangkan pencapaian murid-murid Darjah VI dalam menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran, malah turut menjadi satu bentuk pengiktirafan terhadap usaha gigih mereka dalam mendalami dan menghayati ajaran Islam.

Sehubungan itu, Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) petang tadi meraikan seramai 104 orang murid Darjah VI terdiri daripada 59 orang murid lelaki dan 45 orang murid perempuan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Munawwarah, Setia Point, Berakas, di sini.

Antara peserta khatam yang diraikan ialah Yang Mulia Pengiran Muhammad Syafiq Mubarak bin Pengiran Haji Mohamad Ezul, cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Mulia Pengiran Muhammad Abdul Haadee Mubasheer bin Pengiran Anak Abdul Badee', cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Nasibah binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Hadir ialah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali dan isteri, Dayang Hajah Harinawati binti Awang Haji Tumar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, bacaan Takhtim dan Doa Khatam.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan dikir, disusuli penyampaian sijil kepada peserta khatam yang disempurnakan oleh Yang Arif Awang Haji Hassan dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis antara lain merupakan wadah untuk mendekatkan diri kepada Al-Quran, di mana para pembacanya diberikan ganjaran pahala, dilimpahi rahmat serta keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.






# ممڤركاس بليا سباݢاي أسيت نݢارا

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسوڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠيتي الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ، براوله كبحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوك دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ستياڤ نݢارا مڠايمڤيكن رعيت يڠ برأوڤاي مماجو كماجوان، مڠكلكن كأمانن دان ميماي كمعمورن. نامون، ككواتن سسبواه نݢارا تيدق هاڽ دأوكور ملالوءي كماجوان إيكونومين، تتاڤي لبيه أوتام ڤد كواليتي مودل إنسان يڠ ممباڠونكنڽ. دسينيله ترلتقڽ ڤرانن بسر ݢولوڠن بليا سباݢاي أسيت ڤاليڠ برهرݢا اونتوق نݢارا.

بليا بوكن سقدر هارڤن، بهكن مروڤاكن أسيت دان ڤواريس ماس دڤن نݢارا. مريكله جنراسي يڠ اكن مڠمبيل أليه تمڤوق كڤيمڤينن، منروسكن ڤمباڠونن، مميكول أمانه سرتا منكڤكن أكام دان بڠسا. جوسترو ممڤركاس بليا برمعنى ممڤرسياڤكن ماس دڤن نݢارا ايت سنديري، مڠهادڤي ڤلباݢاي جابرن دمي ممستيكن نݢارا تروس تݢوه برديري، ماجو دان دحرمتي.

ڤرسوٴلنڽ، باݢايمان كيت هندق ممبنتوق بليا يڠ بنر-بنر برأوڤاي منجادي أسيت دان توڠݢق ككواتن نݢارا. ماريله كيت مڠحياتي ببراڤ أساس ڤنتيڠ دالم ڤمركاسأن جنراسي بليا اين.

الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الكهف أية ١٣:

**كامي منچريتاكن كڤدمو (واهاي نبي محمد) قيصه مريك دڠن سبنرڽ. سسوڠݢوهڽ مريك ايت ڤمودا-ڤمودا يڠ برإيمان كڤد توهن مريك دان كامي تمبهكن هداية كڤد مريك.**

أية اين منجلسكن مڠناءي ڤمودا أصحاب الكهف يڠ هيدوڤ دالم سواسان نݢارا يڠ ڤنوه دڠن تكنن، كظالمن دان ككليروان. سوڠݢوهڤون مريك برهادڤن دڠن جابرن ݢتير، مريك تتڤ برڤݢڠ تݢوه كڤد كإيمانن، سهيڠݢ الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ منمبهكن مريك هداية، كتݢوهن دان ڤرتولوڠن. قيصه اين منجادي تلادن يڠ جلس بهاوا بليا يڠ برإيمان ممڤو منجادي بينتيڠ ككواتن نݢارا. إيمان يڠ تݢوه ملاهيركن ڤريبادي بليا يڠ تيدق موده ترڤڠاروه دڠن ڤوجوق رايو دنياوي. سباليكڽ تروس برڤݢڠ كڤد كبنرن دان مڠهارڤكن ڤرتولوڠن الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ. اينله ميسيج دان ڤڠاجران بوات جنراسي بليا هاري اين.

جماعه يڠ درحمتي الله،

بليا هاري اين بردڤن دڠن أروس ݢلوباليساسي يڠ سماكين منجابر، دسوسولي دڠن لدقن تيكنولوجي يڠ بركمبڠ ڤست، دان ترنسفورماسي ديجيتل يڠ كيان رانچق، نامون دمكين، كماجوان ترسبوت هاڽ اكن ممباوا منفعت اڤبيل دڤندو اوليه كإيمانن، أخلاق دان نيلاي-نيلاي إسلام.

حال اين برلاكو كران ݢلومبڠ ميديا سوسيال، لمبقن كاندوڠن دنيا سيبر يڠ بوليه دأكسيس تنڤا سمڤادن سريڠ كالي منونجولكن ݢاي هيدوڤ بيبس، تيدق مڠهيراوكن نيلاي-نيلاي عقيدة، شرعية دان أخلاق إسلام. سكالا أسڤيك كهيدوڤن دإيكسڤلويتاسي سهيڠݢ سبهاݢين أنق مودا كيت ترساسر لالو هيلڠ ستاتوس مريك سباݢاي إنسان يڠ برعقل دان برادب. سهوبوڠن دڠن ايت، باݢي مندڤني جابرن ألاف بارو اين، سباݢاي لڠكه ممبينتيڠي جيوا مريك، دوا أساس ڤنتيڠ ڤرلو منجادي ڤݢڠن ستياڤ بليا:

**ڤرتام: ككواتن إيمان.** إيمان مروڤاكن أساس كڤد ڤمبنتوقن كڤريبادين سأورڠ مسلم. بليا يڠ تݢوه إيمانڽ اكن سنتياس برڤاوت كڤد اجرن الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دان تيدق موده ترڤڠاروه دڠن فهمن سوڠسڠ، اجرن سست اتاو بودايا أسيڠ يڠ برچڠݢه دڠن شريعة إسلام، ستياڤ عملن اكن ترأره كڤد عمل صالح، دان ستياڤ ڤربواتن اكن ترهيندر درڤد ڤركارا منكر. دڠن كإيمانن جيتو، بليا اكن لبيه برمرواه، ترڤليهارا كسلامتن دان كسجهترأن ديريڽ.

**كدوا: كمولياٴن أخلاق.** علمو دان كماهيران تنڤا أخلاق اكن ممباوا كڤينچڠن، ماناكالا كماجوان تنڤا ادب أخيرڽ ممباوا كهنچورن. اوليه ايت، بليا يڠ برعلمو دان بركماهيرن، ڤرلو مڠهياسي ديري دڠن أخلاق يڠ موليا. مڠحرمتي إيبو باڤ، ݢورو دان ڤميمڤين، منجاݢ توتور كات دان تيڠكه لاكو، سرتا برهيمه دان برتڠݢوڠجواب دالم ڤرݢاولن ترماسوق دعالم مايا. أخلاق يڠ بايك اكن مڠاڠكت مرتبت سسأورڠ دان منجادي أساس كڤد كهرمونين مشاركت دان كماجوان نݢارا. **درڤد جابر رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُ، رسول الله صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا يڠ برمقصود: سسوڠݢوهڽ يڠ ڤاليڠ اكو چينتاءي دان ڤاليڠ دكت دڠنكو دأخيرة ننتي اداله اورڠ يڠ ممڤوڽاءي أخلاق تربايك. دان اورڠ يڠ ڤاليڠ اكو بنچي دان يڠ ڤاليڠ جاوه دريكو دأخيرة ننتي اداله اورڠ يڠ ممڤوڽاءي أخلاق يڠ ڤاليڠ كچي، ياٴيت اورڠ يڠ مريكا-ريكا ڤرچاكڤن، اورڠ يڠ برلاݢق ڤنداي دان اورڠ يڠ برچاكڤ بسر (سومبوڠ دان بوڠكق). {حديث روايت إمام ترمذي}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

سلاين درڤد ممڤركوكوه إيمان دان أخلاق، بليا جوݢ ڤرلو دڤركاس دري سودوت علمو، كماهيرن سرتا كأوڤاياٴن اونتوق منجادي ڤنراجو كماجوان. مريك تيدق بوليه برهنتي منيمبا علمو، ماله مڠعمل‌كن ڤمبلاجرن سڤنجڠ حيات باݢي ممڤركاسا ڤوتينسي ديري. دڠن سيكڤ يڠ تربوكا ترهادڤ ڤروبهن، مريك ڤرلو ممڤو ميسوايكن ديري، برإينوۏاسي دان منچيڤتا نيلاي بهارو دالم ڤلباݢاي بيدڠ. دالم مينتوه بسرڽ ڤرانن دان هارڤن يڠ دݢالس اوليه جنراسي بليا، كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بݢيندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة إبن المرحوم سلطان حاج عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين، سلطان دان يڠ دڤرتوان نݢارا بروني دارالسلام تله برتيته سمڤنا أولڠ تاهون هاري كڤوترأن بݢيندا يڠ ك٨٠ ڤد ١٥ جولاي ٢٠٢٦ دبالاي سيڠݢهسان إيندرا بوانا، إستان نور الإيمان، انتارا ڤتيكن تيته بݢيندا:

**"توروت جادي هارڤن بيتا اياله، ايڠين مليهت جنراسي مودا برڤرانن لبيه برمعنى. بوكن سقدر جادي ڤنونتون كڤد ڤروبهن دان ڤڠݢوناٴن تيكنولوجي چيڤتاٴن اورڠ لاين، تتاڤي كيت جوݢ ڤرلو بڠكيت سباݢاي ڤنچيڤتا، ڤميكير دان ڤميمڤين برواوسن."** دمكين بݢيندا برتيته.

تيته اين مروڤاكن ساتو سروان دان هارڤن يڠ تيڠݢي ترهادڤ جنراسي بليا أݢر تيدق برڤواس هاتي سقدر منجادي ڤڠݢونا. سباليكڽ تمڤيل سباݢاي ڤڠݢرق دان ڤنراجو. جوسترو، ڤارا بليا هندقله مربوت سݢالا ڤلواڠ علمو، كماهيرن دان كأوسهاونن يڠ دسدياكن باݢي ملڠكڤكن ديري سباݢاي جنراسي يڠ برديكاري دان برداي سايڠ.

سيدڠ جمعة يڠ درحمتي الله،

سباݢاي سبواه نݢارا يڠ برڤݢڠ كڤد فلسفه ملايو إسلام براج، ڤمركاساٴن بليا هندقله برترسكن نيلاي-نيلاي مورني يڠ برسومبركن اجرن إسلام. **MIB** بوكن سقدر إيدينتيتي، بهكن مروڤاكن جارا هيدوڤ يڠ مڽاتوڤادوكن كإيمانن، كطاعتن كڤد راج سرتا كستياٴن كڤد أݢام، بڠسا دان نݢارا. بليا يڠ دبنتوق برلندسكن **MIB** اكن منجادي جنراسي يڠ سايمبڠ، كوكوه ڤݢڠن أوݢامڽ، چينتاكن نݢارا دان طاعة كڤد ڤميمڤين. مريكله يڠ اكن منروسكن كسينمبوڠن كڤيمڤينن نݢارا سرتا منجادي توڠݢق كڤد ڤنچاڤاين واوسن ٢٠٣٥. واوسن نݢارا ايت منونتوت بليا يڠ برڤڠتهوان تيڠݢي، بركماهيرن دان برداي سايڠ، دسمڤيڠ تݢوه برڤݢڠ كڤد نيلاي-نيلاي كإيمانن دان أخلاق. ڤمباڠونن مودل إنسان يڠ سايمبڠ انتارا كڤرلوان دنياوي دان أخروي. اينله يڠ اكن منجامين كسجهترأن نݢارا ڤد ماس هادڤن.

جماعه يڠ درحمتي الله،

ممڤركاس بليا سباݢاي أسيت نݢارا مروڤاكن تڠݢوڠجواب يڠ ڤرلو دكمبليڠ اوليه سموا ڤيهق ياٴيت إيبو باڤ، ڤنجاݢ، سكوله، إنستيتوسي ڤنديديقن، ڤميمڤين، مشاركت دان نݢارا. إيبو باڤ مروڤاكن بينتيڠ ڤرتام دالم ممبنتوق كڤريبادين أنق- أنق. ماناكالا إنستيتوسي ڤنديديقن ڤولا برڤرانن ملڠكڤكن مريك دڠن علمو دان كماهيرن.

أخيرڽ ماريله كيت برسام-سام بردعاء أݢر باريسن بليا كيت دتݢوهكن هاتي، سنتياس براد دجالن يڠ بنر، دڤليهارا إيمان أݢر إستقامة ملقسناكن عباده، دكورنياكن هدايه، ڤرليندوڠن دان رحمة الله سُبْحَانَهُۥوَتَعَالَىٰ دالم ستياڤ لڠكه كهيدوڤن مريك. سموݢ مريك ممبسر منجادي جنراسي يڠ برعلمو، برإيمان، برتقوى دان براخلاق مليا سرت تمڤيل سباݢاي جنراسي ڤلاڤيس يڠ منجادي هارڤن اݢام، بڠسا دان نݢارا، داڤت مميكول أمانه كڤيمڤينن، ميومبڠ كڤد ڤمباڠونن سرت منروسكن كماجوان دان كمعموران نݢارا بروناي دارالسلام سباݢي سبواه نݢارا يڠ سنتياس برادا دالم كريضاٴن، رحمة دان كبركتن الله سبحانه وتعالى، آمين يا ربَّ العالمين.

**تفسيرڽ: كامو (واهاي أومت نبي محمد) اداله سبايك-بايك أومت يڠ دلاهيركن اونتوق مأنسي (كران) كامو ميورره بربوات يڠ معروف دان ملارڠ درڤد يڠ موڠكر دان برإيمان كڤد الله. دان كالاو أهل كتاب (يهودي دان نصراني) برإيمان، تنتوله يڠ دمكين ايت بايك باݢي مريك. (تتاڤي) سبهاݢين درڤد مريك اد يڠ برإيمان دان كبايقن مريك اياله اورڠ فاسق.**

**{سورة آل عمران أية: ١١٠ }**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمِ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# NBD SOKONG PEMETERAIAN PERSETUJUAN IPOH ACCORD

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pembangunan




YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan semasa bergambar ramai pada ASEAN-Ministerial Roundtable on Construction and Housing 2026 (ACMROCH 2026) di Ipoh, Perak pada 1 Ogos 2026.

**IPOH, MALAYSIA**, Ahad, 2 Ogos. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menyertai Negara-negara Anggota ASEAN dan Republik Rakyat China dalam melakar sejarah melalui pemeteraian persetujuan mercu tanda, Ipoh Accord sempena ASEAN-Ministerial Roundtable on Construction and Housing 2026 (ACMROCH 2026) di Ipoh, Perak pada 1 Ogos 2026.

Mesyuarat yang dipengerusikan bersama oleh Republik Rakyat China dan Malaysia telah dihadiri oleh para menteri dan wakil-wakil daripada NBD, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Viet Nam dan Timor-Leste.

Persidangan membawakan tema 'Sustainable Cities, Quality Housing, and Cohesive Communities' ini telah menghimpunkan lebih 300 peserta dari serantau.

Delegasi NBD telah diketuai oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak bersama rombongan daripada Kementerian Pembangunan.

Pemeteraian Ipoh Accord merupakan satu pencapaian strategik yang mengiktiraf perumahan sebagai pelaburan sosial jangka panjang. Ia melangkaui nilai pembinaan dengan memberi penekanan mendalam terhadap kualiti, ketahanan, kebolehcapaian, penyelenggaraan, kecekapan utiliti dan kebolehdiaman (*liveability*) secara menyeluruh bagi mewujudkan kejiranan yang selamat dan inklusif.

Melalui persetujuan ini, kerjasama serantau telah diperkukuhkan melalui tiga serampang utama : Kerjasama Kerajaan-dengan-Kerajaan (G2G) menerusi perkongsian dasar dan amalan terbaik; Kerjasama industri melalui penerimagunaan teknologi, inovasi dan penyelesaian mampan serta Kerjasama antara bandar ke bandar dalam pertukaran ilmu dan pengalaman ke arah membangunkan bandar yang inklusif, berdaya huni dan berdaya tahan.

Sejajar dengan matlamat Ipoh Accord, Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan telah menyampaikan Kenyataan NBD yang menggariskan komitmen kukuh negara berpandukan Wawasan Brunei 2035 melalui empat bidang keutamaan.

Antaranya, Pertama : Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti untuk Semua iaitu mengekalkan dasar penyediaan tanah dan infrastruktur bersubsidi, di samping giat meneroka reka bentuk rumah pintar yang kos efektif, berciri inklusif bagi rakyat, terutama sekali golongan warga emas dan kanak-kanak serta model pembiayaan alternatif bagi mempercepatkan penyediaan perumahan.

Kedua : Perancangan Bandar Berdaya Tahan dan Adaptasi Iklim iaitu menerapkan strategi daya tahan ke dalam perancangan melalui standard mesra alam, mitigasi banjir dan pemuliharaan biodiversiti bagi memastikan pembangunan seimbang dengan pemeliharaan alam semula jadi dan warisan budaya.

Ketiga : Memperkukuh Perkhidmatan Bandar Penting iaitu usaha berterusan menaik taraf utiliti teras seperti bekalan air, keterhubungan jalan raya, perparitan, pengurusan sisa, dan sistem tenaga untuk menjamin kecekapan dan kesejahteraan rakyat.

Akhir sekali, keempat : Pelaburan Infrastruktur Pintar dan Mampan iaitu memanfaatkan teknologi digital dan penyelesaian dipacu data bagi menjamin keutuhan infrastruktur masa hadapan (*future proofing*) selaras dengan aspirasi bandar pintar.

Sebagai kemuncak persidangan, Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan juga telah mengumumkan hasrat NBD untuk melangkah ke hadapan sebagai tuan rumah bagi ACMROCH Edisi Ke-5 pada tahun 2027 seiring dengan Tahun Melawat Brunei, 'Visit Brunei Year 2027'.

# Meningkatkan kefahaman kaedah pelaksanaan sembahyang ketika bermusafir

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman




SEKITAR Program Tarbiyah Bersama Muallaf yang berlangsung di Dewan Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI, Kampung Pulaie (atas dan bawah).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Ogos. - Ibadah sembahyang fardu lima waktu merupakan kewajipan bagi setiap orang Islam dalam apa jua keadaan.

Sebagai rahmat dan kemudahan kepada umat Islam yang bermusafir, Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan *rukhsah* (keringanan), antaranya melalui pelaksanaan Sembahyang Jamak dan Qasar, agar ibadah berkenaan tetap dapat ditunaikan dengan sempurna.

Sehubungan itu, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) menganjurkan Program Tarbiyah Bersama Muallaf : Panduan Musafir yang diadakan di Dewan Mau'izhah, Bangunan Darul Huda, PDI, Kampung Pulaie pada pagi tadi.

Program berkenaan disertai oleh 30 peserta dalam kalangan para mualaf.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Antara pengisian program ialah penerangan mengenai panduan musafir, pelaksanaan Sembahyang Jamak dan Qasar, serta tatacara menunaikan sembahyang di dalam kapal terbang.

Program berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman yang lebih jelas kepada para mualaf mengenai kaedah pelaksanaan sembahyang ketika bermusafir agar mereka dapat menunaikan ibadah berkenaan dengan yakin dan sempurna.

Adalah diharapkan program berkenaan akan dapat meningkatkan kefahaman dan memantapkan keyakinan para mualaf dalam melaksanakan sembahyang ketika bermusafir, di samping menyemai kesedaran bahawa tanggungjawab menunaikan sembahyang fardu lima waktu hendaklah sentiasa dipelihara walau di mana jua mereka berada.



# Memperkukuh pendidikan Al-Quran sekolah Arab

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Pengajian Islam

**TEMBURONG**, Sabtu, 1 Ogos. – Dalam usaha melahirkan generasi muda yang berilmu, berakhlak mulia, berjaya serta berpegang teguh kepada ajaran Islam melalui penghayatan Al-Quran, Sekolah Arab Temburong pada pagi tadi mengadakan Majlis Haflu Khatam Al-Quran Pelajar-pelajar Sanah 6, bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Majlis berkenaan bagi meraikan seramai 11 pelajar Sanah 6 Sekolah Arab Temburong terdiri daripada lima pelajar lelaki dan enam pelajar perempuan yang telah berjaya menyempurnakan bacaan 30 Juzuk Al-Quran masing-masing.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Pemangku Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Hazimin bin Haji Metali, yang turut memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis.

Majlis diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti bacaan Takhtim, Doa Khatam, persembahan dikir serta penyampaian sijil khatam kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan.

Majlis berkenaan turut menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam memperkukuh pendidikan Islam di samping mengeratkan silaturahim antara warga sekolah dengan para ibu bapa dan penjaga pelajar yang diraikan.

Majlis Haflu Khatam Al-Quran merupakan antara pengisian tahunan Jabatan Pengajian Islam, KHEU dalam memperkukuh pendidikan Al-Quran di sekolah-sekolah Arab.

Penganjurannya mencerminkan komitmen berterusan jabatan dalam membudayakan penghayatan Al-Quran serta memperkukuh syiar Islam di negara ini.



PEMANGKU Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Hazimin bin Haji Metali hadir selaku tetamu khas majlis menyampaikan sijil kepada peserta.

# PROGRAM PERKASA KEBOLEHPASARAN GRADUAN BIDANG AGAMA

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada salah seorang penerima.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Ogos. - Program Persediaan Pekerjaan (Career Readiness Bootcamp) melabuhkan tirainya hari ini dengan Majlis Penutup yang berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Program yang dilaksanakan secara rintis itu merupakan hasil kerjasama strategik antara Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) dan KHEU, melibatkan penyertaan seramai 50 graduan daripada bidang Perguruan Ugama (Pendidikan Islam), Pengajian Islam, Syariah, Undang-Undang Syariah, Usuluddin, Bahasa Arab serta Al-Quran dan Qiraat.

Inisiatif tersebut bertujuan memperkukuhkan kebolehpasaran graduan bidang ugama melalui pendekatan pembangunan yang menyeluruh dengan memberi penekanan kepada pembangunan diri, persediaan kerjaya, kemahiran insaniah, literasi digital, penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence), keusahawanan serta pendedahan kepada pelbagai laluan kerjaya dan dunia pekerjaan.

Sepanjang lima hari pelaksanaannya, para peserta mengikuti pelbagai sesi pembangunan diri, perkongsian bersama rakan-rakan program PPB daripada pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta, sesi dialog bersama pihak industri, sesi jaringan profesional (*networking session*) serta lawatan industri yang memberi pendedahan secara langsung kepada persekitaran kerja profesional, budaya organisasi dan jangkaan majikan terhadap kompetensi serta kemahiran yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan masa kini.

Sebagai sebahagian daripada pengisian program, KHEU turut mengendalikan beberapa sesi perkongsian yang memberi fokus kepada pembangunan profesional graduan bidang ugama. Antaranya ialah laluan pembangunan kompetensi, kepentingan pembelajaran sepanjang hayat, pembangunan kerjaya serta penerokaan pelbagai ruang sumbangan kepada masyarakat berlandaskan ilmu dan kepakaran yang dimiliki.

Majlis Penutup turut menyaksikan penyampaian sijil penyertaan kepada kesemua 50 peserta yang berjaya menamatkan program berkenaan. Penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Dr. Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Hadir sama ialah Pengarah Pentadbiran, KHEU, Awang Mohammad Zulhilmi bin Haji Omar Ali, yang turut menyampaikan ucapan penutup majlis.

Dalam ucapannya, Awang Mohammad Zulhilmi menekankan bahawa ilmu yang dimiliki oleh graduan bidang ugama merupakan satu amanah yang perlu diterjemahkan melalui khidmat, integriti dan profesionalisme dalam apa jua bidang yang diceburi dengan menerapkan nilai-nilai murni Islam.

Beliau turut menyeru para peserta agar terus memperkukuhkan kompetensi, meningkatkan kemahiran dan membina keyakinan diri supaya sentiasa bersedia menghadapi perubahan serta cabaran dunia pekerjaan yang semakin dinamik. Di samping memiliki asas ilmu yang kukuh, graduan juga perlu menguasai teknologi, meningkatkan kemahiran baharu dan bersikap proaktif dalam merebut peluang kerjaya yang sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman.

Program tersebut mencerminkan komitmen bersama PPB dan KHEU dalam memperkukuhkan pembangunan modal insan melalui pendekatan Whole of Government dan Whole of Nation dengan memanfaatkan kepakaran serta jaringan kerjasama pelbagai pihak bagi melahirkan graduan yang lebih berdaya saing, berdaya tahan dan bersedia menyumbang kepada pembangunan agama, masyarakat dan negara.

Usaha berkenaan juga selaras dengan Matlamat Pertama Wawasan Brunei 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Selain itu, program tersebut turut mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang dizahirkan dalam Titah Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi agar generasi muda bukan sekadar menjadi penonton kepada perubahan dan penggunaan teknologi ciptaan pihak lain, malah bangkit sebagai pencipta, pemikir dan pemimpin yang berwawasan.

Sehubungan itu, Program Persediaan Pekerjaan diharapkan menjadi pemangkin kepada graduan bidang ugama untuk terus memperkukuhkan ilmu, meningkatkan kompetensi, menguasai teknologi dan kemahiran baharu serta berani meneroka pelbagai peluang kerjaya yang mampan, sekali gus menyumbang kepada pembangunan agama, masyarakat dan negara.




# Jerayawara tingkatkan kefahaman mengenai Tabung Dana Pembinaan Masjid

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Sabtu, 1 Ogos. - Melalui penubuhan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam (NBD), umat Islam di negara ini berpeluang meraih ganjaran pahala sebagaimana yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada mereka yang menyumbang ke arah pembinaan masjid.

Penubuhan tabung dana ini berperanan sebagai wadah berterusan untuk membolehkan umat Islam menyumbang kepada pembangunan masjid, sekali gus mengumpulkan ganjaran pahala, di samping membuka peluang untuk 'bertanam saham' sebagai bekalan di akhirat.

Bagi memperkukuh kefahaman mengenai penubuhan serta peranan Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Unit Urusetia Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD telah mengambil inisiatif mengadakan program jerayawara ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan di negara ini.

Program tersebut disasarkan khusus kepada pegawai dan kakitangan kerajaan yang mula berkhidmat mulai tahun 2020 Masihi hingga kini, dengan tujuan untuk memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh mengenai matlamat, objektif serta peranan tabung dana berkenaan.

Sebelum ini, program jerayawara seumpama ini telah diadakan di beberapa buah kementerian di negara ini.

Pada kali ini, jerayawara tersebut diteruskan khusus bagi pegawai dan kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan.

Acara berkenaan diadakan di Dewan Atria Simpur, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat, JKR.

Hadir pada jerayawara berkenaan ialah pengarah-pengarah dan penolong-penolong pengarah serta pegawai dan kakitangan dari JKR dan JHEM.

Sesi penerangan mengenai Tabung Dana bagi Pembinaan Masjid NBD telah disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Penerangan tersebut merangkumi latar belakang dan tujuan penubuhan tabung, kaedah serta mekanisme kutipan dana termasuk pelaksanaan skim potongan gaji, statistik kutipan dana, serta perkembangan dan perancangan projek pembinaan masjid yang telah dan akan dilaksanakan.

Sesi tersebut turut disusuli dengan sesi soal jawab dan perbincangan yang memberikan peluang kepada para peserta untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan.



**SESI penerangan disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.**

## JABATAN KERJA RAYA
## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
III & IV Sahaja

**Kategori:**
KA01 & KPB04 Sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 013 / 2026

**Nama Projek:**
Penggantian Dan Pemasangan Saluran Paip Baru Utama Di Simpang 39, Sepanjang Jalan 99 Dan Jalan 18 Di RPN Kg. Rimba, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

**Kelas:**
NIL

**Kategori:**
P01 Sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 014 / 2026

**Nama Projek:**
Pembekalan Dan Penghantaran Bahan-Bahan Kerja Air Untuk Saluran Paip Transmission Dan Sistem Tangk

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Kelas:**
I, II, III Sahaja

**Kategori:**
KA01 & M03 Sahaja

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DWS / 015 / 2026

**Nama Projek:**
Pembinaan Sump Tank Dan Booster Pump Untuk Di Spg. 396, Kg. Sungai Akar

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa
4 Ogos 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
11 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV Atau V Atau VI

**Kategori:**
E01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-EM / 21 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaiki Dan Menggantikan Kelengkapan Elektrik Untuk Istana Edinburgh, Challet, Villa, Annex Dan Kawasan Sekitarnya, Jalan Menteri Besar

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-EM / 23 / 2026

**Nama Projek :**
Kontrak Penggal Bagi Operasi Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan Elektrikal Bagi Rumah VIP Assarra, Jalan Perdana Menteri Dan Kawasan Sekitarnya Bagi Tempoh Dua (02) Tahun

**Yuran Tawaran :**
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa
11 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup:**
Selasa
1 September 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV Atau V Atau VI

**Kategori:**
E01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-EM / 20 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaiki Dan Menggantikan Kelengkapan Elektrik Untuk Rumah VIP Assiadah Dan Istana Darul Taqwa, Kampong Jerudong Dan Kawasan Sekitarnya

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BOP-EM / 22 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaiki Dan Menggantikan Kelengkapan Elektrik Untuk Rumah VIP Assarra, Jalan Perdana Menteri Dan Kawasan Sekitarnya

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :**
Selasa
11 Ogos 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup:**
Selasa
1 September 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

## JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
## JABATAN TENAGA
## JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JPE / LTK / DIS / 037 / 2026
Menaiktaraf 11KV Metalclad Switchgear & Pengukuhan Rangkaian Bagi Stesen Pensuisan E-Government (Recall)

**Tarikh Tutup:**
Selasa
18 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**Harga Dokumen:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin**

**DA / JKSH / 82 / 2026 / 2027**
**[BPPA-OGOS-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok A]

**Harga Sewa Kantin :**
BND538.00 sebulan

**DA / JKSH / 83 / 2026 / 2027**
**[BPPA-OGOS-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Sultan Hassan Bangar, Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin :**
BND118.00 sebulan

**DA / JKSH / 84 / 2026 / 2027**
**[BPPA-OGOS-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Selangan, Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin :**
BND43.00 sebulan

**DA / JKSH / 85 / 2026 / 2027**
**[BPPA-OGOS-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Negalang, Daerah Temburong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin :**
BND30.00 sebulan

**DA / JKSH / 86 / 2026 / 2027**
**[BPPA-OGOS-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Rendah Pengiran Dipa Negara Pengiran Jaya Sengkarai, Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin :**
BND110.00 sebulan

**DA / JKSH / 87 / 2026 / 2027**
**[BPPA-OGOS-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Masin, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok B]

**Harga Sewa Kantin :**
BND584.00 sebulan

**DA / JKSH / 88 / 2026 / 2027**
**[BPPA-OGOS-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Sayyidina Husain, Daerah Brunei Muara Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok A]

**Harga Sewa Kantin :**
BND762.00 sebulan

**Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer**

**DA / JKSH / 90 / 2026 / 2027**
**[UPP-OGOS-2026]**
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer Bagi Kegunaan Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

**Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Peralatan / Perkakas Kebersihan**

**DA / JKSH / 91 / 2026 / 2027**
**[UPP-OGOS-2026]**
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Peralatan / Perkakas Kebersihan Bagi Simpanan Unit Perbekalan Dan Stor, Bahagian Perkhidmatan Kewangan Dan Perbekalan, Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu :**
Sabtu,
22 Ogos 2026
Jam 9.00 Pagi

**DA / JKSH / 89 / 2026 / 2027**
**[BPPA-OGOS-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi : Sekolah Menengah Sayyidina Othman, Daerah Tutong Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok B]

**Harga Sewa Kantin :**
BND685.00 sebulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga :**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu :**
Sabtu,
22 Ogos 2026
Jam 9.00 Pagi

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan**

**MOE / LTK / 27 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Datu Ratna Hj Muhd Jaafar, Kiarong, Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 18
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 28 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi Sekolah Rendah Pengkalan Tentera Laut, Serasa, Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : SM / 61
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 29 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS -2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun
Sekolah Rendah Sungai Siamas
Sekolah Rendah Bendahara Lama
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / ST1
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 30 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Mentiri
2. Sekolah Rendah Tanjong Kindana
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST4
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 31 / 2026 / 2027 [DA (BPPA-OGOS-2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan
Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Kg Perpindahan Mentiri
Daerah Brunei Muara.
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST5
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 32 / 2026 / 2027 [ DA(BPPA-OGOS-2026) ]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Muhammad Alam, Seria
2. Sekolah Rendah Pg Setia Negara Pg Mohd Yusof, Lorong 3 Seria,Daerah Belait
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST7
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 33 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan
Sekolah Rendah Panaga, Daerah Belait.
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST8
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 34 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Panchor Murai
2. Sekolah Rendah Panglima Barudin, Limau Manis
3. Sekolah Rendah Putat
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Kod Blok : PH / ST10
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND10.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 35 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan
Sekolah Menengah Awang Semaun
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / S1
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 36 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan
Sekolah Menengah Sultan Hassan
Daerah Temburong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / S2
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**MOE / LTK / 37 / 2026 / 2027 [DA(BPPA-OGOS-2026)]**
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan
Sekolah Menengah Tanjong Maya
Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan.
Kod Blok : PH / S5
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran :**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup Dan Waktu :**
Selasa
18 Ogos 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong (Kelas I, II & III Sahaja)**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran / Sebut Harga:**
JMM / Q&T / JKSH / 2026 / 06
Supply And Install Of New Decorative Floor Carpet / Laminate Flooring To Library At Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran / Sebut Harga:**
JMM / Q&T / JKSH / 2026 / 11
Proposed To Design, Fabricate And Install New Book Shelves To Library At Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
Percuma

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Khamis 6 Ogos 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 11 Ogos 2026

---

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Pemberitahuan Sebut Harga**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0031 / 2026
Term Contract For Air Conditioning System In The Buildings Under The Department Of Fisheries, Negara Brunei Darussalam For 12 Months

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0032 / 2026
To Supply And Install Ring Compressor Blower And Control Panel At Meragang, Department Of Fisheries

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0033 / 2026
To Supply And Delivery Of Media Laboratory Consumables For Antimicrobial Susceptibility Testing For Microbroth Dilution Method

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Khamis
13 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :**
KEPI / BKSM / JKSH / ADMIN / 3 / 2026-2027
Membekalkan Satu (1) Unit Kamera Dan Beberapa Aksesori Berkaitan Bagi Kegunaan Kementerian Ekonomi, Perdagangan Dan Industri

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
Khamis
27 Ogos 2026,
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga :**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

---

**JABATAN DAERAH TEMBURONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Jawatan Kosong Sebagai**

**Ketua Kampung Tingkat I PMKK.3 (BND2,270 - BND 4,240)**

**Atau**

**Ketua Kampung Tingkat II PMKK.2 (BND 1,990 - BND 2,970)**

**Atau**

**Ketua Kampung Tingkat III PMKK.1 (BND 1,280 - BND 2,270)**

**bagi**

**Daerah Temburong**

**Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok**

**Tatacara Menghadapkan Borang Pencalonan:**

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-

**Unit Pentadbiran, Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Temburong Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 23 Rabiulawal 1448 bersamaan 5 September 2026, jam 4.00 Petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+673 5221110.**

Kampung-Kampung Tadahan Jawatan Kosong Ketua Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok, Daerah Temburong

**Ketua Kampung Lepong Baru, Mukim Bokok**

**Kampung Lepong Baru**
**Kampung Lepong Lama**
**Kampung Sembabat**
**Kampung Temada**
**Kampung Kenua**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**1. Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 72 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Unit Realiti, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei (01 Episode X 60 Minit)

**2. Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 73 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Unit Realiti, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei (13 Episode X 30 Minit)

**3. Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 77 / 26 - 27
Perkhidmatan Penggambaran Dan Penyuntingan Bagi Program Episode (13 Episod X 30 Minit) Dan Edisi Khas (01 Episod X 30 Minit), Unit Majalah TV, Bahagian Rancangan TV, Radio Televisyen Brunei

**Bayaran Yuran:**
BND5.00 (Tidak dikembalikan) (Termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas / (*Hardcopy*):**
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 5 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / TL / 002
[JPPK / LTN / 05 / 2024]
Five (5) Years + Two (2) Years Term Contract For The Facilities Management And Maintenance Of Royal Brunei Naval Base, Ministry Of Defence, Brunei Darussalam

**Kelas:**
V dan Ke Atas

**Kategori:**
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja :**
Tujuh (7) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND5,000.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen:**
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 25 Ogos 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
29 September 2026 (Selasa)
2.00 Petang

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / BKS / 004
[JPPK / LTN / 08 / 2025]
Five (5) Years + Two (2) Years Term Contract For The Facilities Management And. Maintenance Of Berakas Garrison, Bangar Camp And Pulau Baru-Baru, Royal Brunei Armed Forces, Ministry Of Defence, Brunei Darussalam

**Kelas:**
V dan Ke Atas

**Kategori:**
KA01 dan B01

**Tempoh Penyiapan Kerja:**
Tujuh (7) Tahun

**Yuran Tawaran:**
BND5,000.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen:**
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah pada **Selasa, 25 Ogos 2026**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
29 September 2026 (Selasa)
2.00 Petang

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 09 (NAU)
Pembelian Locking Set Bagi Tentera Udara Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Rabu, 26 Ogos 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,1 September 2026
2.00 Petang

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / GCAU / GSU / TA / 6013
Purchase Of Raw Material For Uniform -Gurkha Security Unit

**Yuran Tawaran:**
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 11 Ogos 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 18 Ogos 2026
2.00 Petang

**JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JMM / JKSH / Q&T / 2026 / 09
Provision Of Pest And Wildlife Control Services For The Department Of Councils Of State Brunei Darussalam For A Period Of (12 Months)

**Yuran Tawaran:**
Percuma

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
11 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Renewal Of Microsoft 365 Education A3 License For Ministry Of Education**

**MOE / LTK / 22 / 2026 / 2027 (ICT-JULAI-2026)**

Renewal of Microsoft 365 Education A3 License For Ministry of Education

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND505.00
[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND500.00 Dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil E-Dokumen / Tawaran:**
8 Ogos 2026 (Sabtu)
Jam 9.45 Pagi

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**
Selasa, 18 Ogos 2026
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2026 – 2027 / 15

**Tajuk Tawaran:**
"Penyewaan Tempat Latihan Dan Tempat Tinggal Pelatih-Pelatih Bagi ASEAN National Assessor In Housekeeping", September 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Keterangan Projek:**
8 / BBS / SH / BPL / PP / 2026-2027
Kerja-Kerja Pembukaan (Paksa) Peti Kontena Keselamatan Bagi Peti Besi Jenama Hase Safe Model 2217 Dan Chatwood Milner

**Yuran Tawaran:**
BND5.00 (Non – Refundable)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 11 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan masukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam:-**

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 8 September 2026.**

**JPt / TAW / 10 / 2026-2027: Pemeliharaan Saliran Ladang Bagi Kawasan Kemajuan Pertanian Di Daerah Brunei Muara Zon 'F' Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.**

**(Yuran Tawaran BND10.00 | Borang Tawaran BND15.00)**

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**1. Bilangan Sebut Harga:**
17 / QTN / JPK / 2026

**Keterangan:**
Supply And Delivery Twenty Thousand (20,000) Pieces Of CDC Patients Booklets For Department Of Health Services, Ministry Of Health

**2. Bilangan Sebut Harga:**
15 / QTN / JPK / 2026

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of "Small Stainless Dressing Trolley And Large Stainless Dressing Trolley" For Department Of Health Services,
Powder Coated - Small Stainless Dressing Trolley - 16 Units, Large Stainless Dressing Trolley - 11 Units

**3. Bilangan Sebut Harga:**
MOH / HPC / QTN / 26 - 27 (12)

**Keterangan:**
Outsourcing Nocotine Dependence Intervention Program (NDIP) For Health Promotion Centre – Clustering Trolley - 11 Units

**4. Bilangan Sebut Harga:**
MOH / HPC / QTN / 26 - 27 (10)

**Keterangan:**
Outsourcing School-Base And Peer-Led Intervention To Reduce Uptake Of Cigarettes In Adolescents (SPIRUCA) Programme For Health Promotion Centre - Clustering

**5. Bilangan Sebut Harga:**
MOH / HPC / QTN / 26 - 27 (07)

**Keterangan:**
Management And Production Of Tiktok Video Content, Paid Advertising Campaigns, And Quaterly Performance Analytics For Health Promotion Centre, Ministry Of Health – Clustering

**6. Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1645) / 2026 / HTD (A20)

**Keterangan:**
One Off Preventive Maintenance Services For One (1) Unit Of High-Performance Liquid Chromatography (HPLC) System, Brand: Thermo Fisher Scientific, Model: Ultimate 3000, S/N: 8088524, BME20299, At Food Chemistry Laboratory, Department Of Scientific Services

**7. Bilangan Sebut Harga:**
19 / QTN / JPK / 2026

**Keterangan:**
Urgent Installation Of Airconditioning Units At Pharmacy And Waiting Area At Existing Old Block Jubli Perak Sengkurong Health Centre, Ministry Of Health

**8. Bilangan Sebut Harga:**
(79) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

**Keterangan:**
To Supply, Delivery And Install Storage Cabinet For Emergency Department Extension Building, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health

**9. Bilangan Sebut Harga:**
(80) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

**Keterangan:**
To Supply And Replace Pneumatic Tube System Motor Station At Ward 10 In Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

**10. Bilangan Sebut Harga:**
(81) PSD / QTN / 2026 – (SSBH)

**Keterangan:**
Membekal Dan Menghantar Jamuan Bagi Kursus-Kursus, Latihan-Latihan, Taklimat Dan Mesyuarat Rasmi Di Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health Bagi Tempoh Satu (01) Tahun (Clustering)

**11. Bilangan Sebut Harga:**
(82) PSD / QTN / 2026 – (JKPPP)

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Personal Protective Equipment Bagi Perkhidmatan Kecemasan Perubatan Ambulans (Non-Clustering)

**12. Bilangan Sebut Harga:**
18 / QTN / JPK / 2026

**Keterangan:**
Suppply And Delivery Plastic Breakaway Lock, Department Of Health Services For A Period Of Three (3) Years

**13. Bilangan Sebut Harga:**
16 / QTN / JPK / 2026

**Keterangan:**
Urgent Electrical Works For PVC Green Insulated Earth Cable From MCB Ground Floor To 1st Floor And 2nd Floor At PAPHMWHB Gadong Health Centre

**14. Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1708) / 2026 / HTD (B9)

**Keterangan:**
To Supply, Deliver And Install Spare Parts For Four (4) Units Of Midmark Autoclaves, Model: Dentisure B18 BME23013 (S/N: DB1NCJ0096) At Room 5 Suri Seri Begawan Hospital Kuala Belait And Model: M9, BME9631 (S/N: V1349526), BME1468 (S/N: V1493630) At Seria Dental Clinic And BME1467 (S/N: V1493245) At Gadong Dental Clinic For Department Of Dental

**15. Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1691) / 2026 / HTD (A20)

**Keterangan:**
One-Off Preventive Maintenance For Two (2) Units Of Atomic Absorption Spectrometer (AAS), Brand: Thermo Scientific, Model: ICE 3500 At Pharmacy Laboratory, Department Of Scientific Services

**16. Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1707) / 2026 / HTD (B9)

**Keterangan:**
To Supply, Deliver And Install Spare Parts Of One (1) Unit Of Belmont Dental Chair, Model: Clesta II, BME1101, S/N: FB11D0018 At Room 51 Muara Dental Clinic For Department Of Dental Services, Ministry Of Health

**17. Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1706) / 2026 / HTD (A17)

**Keterangan:**
Planned Preventive Maintenance Of MGI Genetic Sequencer, BME27753, Model: DNDSEQ-G50, SN: C21403400210006 At CMDLILD, Makmal BSL2 BSL3, Tutong. (WO: 2026-12349)

**18. Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1694) / 2026 / HTD (A17)

**Keterangan:**
To Service And PPM One (1) Unit Of Biomerieux Microbial ID Testing Equipment, BME17356, Model: VITEK MS, SN: 50607 At Microbiology Lab, RIPAS Hospital, Lab Services. (WO: 2026-11458)

**19. Bilangan Sebut Harga:**
BME / A2K / (1709) / 2026 / HTD (A6)

**Keterangan:**
To Perform Calibrations, Planned Preventive Maintenance (PPM) And Testing For Manual Blood Pressure And Digital Blood Pressure Apparatus At All Health Centres, Ministry Of Health

**20. Bilangan Sebut Harga:**
(14) JPR / QTN / 2026

**Keterangan:**
Restoration Works, Waterproofing Works And Fabrication Works, At Rimba Dialysis Centre

**Yuran Tawaran:**
BND 5.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
8 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
19 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)
Sebut Harga Bagi Upgrading Works, Dismantle Existing Roof And Ceiling, Supply And Install New Roofing, Ceiling And Electrical Works Including General Repairs Works At Bangunan Stor Simpanan Muzium Brunei, Kota Batu, Negara Brunei Darussalam

**Syarat Kelas Tambahan:**
III, IV dan V

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
13 Ogos 2026

---

**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga :**
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 04
Kerja-Kerja Bagi Interior Painting Of Office Wall Di Jabatan Perancangan Ekonomi Dan Statistik Tingkat 2, Kementerian Ekonomi, Perdagangan Dan Industri

**Tarikh Tutup:**
Isnin,
17 Ogos 2026,
Jam 9.00 Pagi

---

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran:**
20 / JULY / 2026 / KKBS / PJK / 16.91

**Tajuk Tawaran:**
Ad hoc Works For Term Contract Maintenance Of A Period Of Thirty-Six (36) Months For Air-Conditioning System For All Ministry Of Culture, Youth And Sports Building (Brunei-Muara District And Temburong District)

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
11 Ogos 2026

---

**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
TCP / 11 / 2026 / 2027
Kerja-Kerja Membuka Karpet Dan Pemasangan Jubin / Tile (Kawasan Pentadbiran Dan Failing) Di Jabatan Perancang Bandar Dan Desa, Cawangan Tutong, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup dan Tempat Penghantaran:**
Selasa, 18 Ogos 2026, sebelum jam 2.00 Petang

**Yuran Sebut harga (E-Dokumen):**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 / CAU / TDDB / TA / 001
Pembelian Alat Kelengkapan Lightning Arrestor Bagi Kegunaan Unit Tentera Darat Diraja Brunei

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 25 Ogos 2026.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 1 September 2026
Jam 2.00 Petang

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 69 / 2026
1.) Clarithromycin 250mg oral solid preparation preferably scored tablet - Qty: 55 x 1000's
2.) Milrinone 1mg/ml injection - Qty: 4 x 10's

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 70 / 2026
1) Flucytisine 500mg oral solid preparation preferably tablet - Qty: 10 x 100's

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 71 / 2026
1.) Febuxostat 80mg oral solid preparation preferably scored tablet - Qty: 350 x 30's
2.) Carbachol 0.01% intraocular solution - Qty: 70 x 12's

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
PPS / QTN / 72 / 2026
1.) Inclisiran 284mg/1.5ml solution for injection in prefilled syringe [for 2-3 deliveries] - Qty: 8 prefilled syringe
2.) An aqueous base suspending agent as ORA-PLUS or its equivalent - Qty: 80 x 473ml

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
21 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of Thirty (30) Units Timer For Resuscitation Trolley At Health Centres, Department Of Health Services

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
20 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Of Medical Equipment For Resuscitation Trolley At Health Centres, Department Of Health Services
Item 1: Eighty-Four (84) Units Bag Valve Mask (Ambu Bag Size: 1)
Item 2: Eighty-Four (84) Units Bag Valve Mask (Ambu Bag Size: 3)
Item 3: Ninety-Six (96) Units Bag Valve Mask (Ambu Bag Size: 4)

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(83) PSD / QTN / 2026 – (PMMPMHAMB)
Remove Existing Tiles, Supply And Install New External Floor Tiles At National Isolation Centre

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(84) PSD / QTN / 2026 – (PMMPMHAMB)
Replacement Of Existing Vav Boxes And Diffusers At Audiology / ORL And Podiatric Clinic, 2nd Floor, PMMPMHAMB Hospital Tutong, Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(85) PSD / QTN / 2026 – (PMMPMHAMB)
Supply And Install Of Water Filter System For PMMPMHAMB Hospital Tutong And Cleaning Of Water Filter At National Isolation Centre

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
22 / QTN / JPK / 2026
1.) Supply And Delivery Of Single Use Oxygen Non Rebreather Mask For Health Centres, Department Of Health Services
2.) Item 1: One Thousand And One Hundred (1,100) Pieces Single Use Peadiatric Oxygen Non Rebreather Mask (Size; S)
3.) Item 2: One Thousand And One Hundred (1,100) Pieces Single Use Peadiatric Oxygen Non Rebreather Mask (Size; M)
4.) Item 3: One Thousand And Four Hundred (1,400) Pieces Single Use Oxygen Non Rebreather Mask (Size; L)
5.) Item 4: One Thousand And Four Hundred (1,400) Pieces Single Use Oxygen Non Rebreather Mask (Size; XL)

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(86) PSD / QTN / 2026 – (ESTETMOH)
Upgrading Of Passenger Lift No. 1 At Department Of Scientific Services Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
BME / A2K / (1710) / 2026 / H1TD (B4)
To Service And Repair One (1) Unit Of HAAG Streit Laser Biometer (Bme18817) At Eye Clinic, RIPAS Hospital, Ministry Of Health

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(27) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / PAEDIATRIC
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Paediatric Department (NICU) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(26) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / OCCUPATIONAL THERAPHY
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Wrist & Hand Continous Passive Motion Device For Occupational Theraphy Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(25) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / OCCUPATIONAL THERAPHY
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Recumbent Exercise Bike For Occupational Theraphy Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(24) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / OCCUPATIONAL THERAPHY
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Medical Treadmil Machine For Occupational Theraphy Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(23) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / CSSD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Ultrasonic Cleaner For CSSD, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(22) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / CSSD
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Drying Cabinet For CSSD, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
(21) IKLAN-QTN / UPP.HRIPAS / 2026 / DERMATOLOGY
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Hand & Feet Phototheraphy Machine For Dematology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
MOH / HPC / QTN / 26-27 (11)
Design, Supply, Installation And Maintenance Of Outdoor Billboards For Health Promotion Centre (HPC) Fruits And Vegetables Campaign At Four Site:
1. Pusar Ulak
2. Traffic Light Kumbang Pasang/Riverside
3. One City Traffic Light Junction
4. Traffic Light

**Bilangan dan Keterangan Tajuk Sebut Harga:**
MOH / HPC / QTN / 26-27 (13)
To Supply And Deliver Printing Services For Healthy Eating For Health Promotion Centre, Ministry Of Health - Clustering

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Sabtu
15 Ogos 2026,
jam 2.00 Petang

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**JPt / TAW / 09 / 2026-2027: Pemeliharaan Saliran Ladang Bagi Kawasan Kemajuan Pertanian Di Daerah Belait Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.**

**Yuran Tawaran:**
**BND30.00**

**Borang Tawaran:**
**BND15.00**

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Selasa, 8 September 2026.**

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK**
**JABATAN TENAGA**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 035/ 2026

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Delivery Of Nickel Cadmium Battery And Battery Charger

**Tarikh Tutup:**
Selasa,18 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 029 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Delivery Of Distribution Transformer

**Harga Dokumen:**
BND2,000.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 030 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Delivery Of Low Voltage Aerial Bundle Conductor

**Harga Dokumen:**
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Ditutup:**
Selasa, 4 Ogos 2026
Jam 2.00 Petang

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005**

**Saman Gantian Dalam Mahkamah Rendah Syariah Di Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :**
**BM / MRS / MAL-A / P012A / 0484 / 07-2026**

**Kes Induk :**
**BM / MRS / MAL-B / S024A / 0911 / 12-2025**

**Antara**

**Afizan Bin Safrudin**
**- Plaintif / Pemohon**

**Dan**

**Hajah Norashidah @ Suriana Binti Ismail**
**- Defendan / Responden**

**Kepada :**
**Hajah Norashidah @ Suriana Binti Ismail - No. Kad Pintar : 00-285127 [Kuning], Beralamat (Alamat Terakhir) : No. 15, Simpang 240-63, Kampong Kapok, Jalan Meragang, Negara Brunei Darussalam.**

Kamu adalah dengan ini di saman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan **Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara pada Khamis, 22 Safar 1448H bersamaan / 6 Ogos 2026M pada jam 3.00 Petang untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi Mengubah / Membatalkan Perintah Nafkah.**

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh :**
**07 Safar 1448H / 22 Julai 2026M**

**Meterai**
**Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam**

# IMBASAN MINGGUAN



PENUNTUT-PENUNTUT Tahun 11 Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Dewan Puteri, Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI). - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



PARA pelajar begitu semangat mengibarkan bendera kecil negara bagi mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei ke Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-80 Tahun. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SALAH satu persembahan tarian kebudayaan yang dipersembahkan semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Brunei dan Muara sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun. - Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas.



PARA peserta begitu semangat membuat persembahan pada Raptai Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun bagi Daerah Belait. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.



SUASANA semasa Brunei Fitness Festival (BFF) 2026 dan Cabaran The Huntr Challenge yang dianjurkan oleh Huntr Evnts Sendirian Berhad bertempat di BRIDEX 2, Jerudong. - Foto : Hernie Suliana Othman.



SALAH seorang penyanyi tempatan ketika membuat persembahan di Pentas Perayaan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

PELITA BRUNEI Hari Rabu 3 Ogos, 1966. Muka 3.

# SAMBUTAN MAULUD DI-KERIAM

KERIAM — Pendudok2 di-Kampong Keriam, Tutong telah mengadakan satu majlis perjumpaan bagi menyambut Maulud Nabi Mohamed s.a.w., di-Dewan Baru Sekolah Melayu Keriam pada petang hari Juma'at 29 Julai, 1966.

Di-antara tujuan2 di-adakan sambutan itu ia-lah untok memberikan peluang kapada kaum ibu dan lain2-nya di-Kampong Keriam yang telah tidak dapat hadhir di-temasha Sambutan Maulud Nabi s.a.w., di-Pekan Tutong pada pertengahan bulan Julai yang lalu.

Majlis itu di-mulai dengan Bacha'an Al-Koran oleh Dayang Mastura binte Masri dan di-turuti dengan Uchapan Aluan oleh Pengerusi Majlis Sambutan tersebut, Chegu Abdul Wahab bin Mohamed, Guru Besar, Sekolah Melayu Keriam.

Satu Sharahan Khas yang amat berharga bagi memperingati kelahiran Junjongan Besar kita Nabi Mohamed s.a.w., telah di-lafadzkan oleh Al-Ustadz Ahmad Sonhadji bin Mohamed, dari Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah, Brunei.

Murid2 dari Sekolah Melayu Keriam telah juga mempersembahkan Nashid di-majlis tersebut di-bawah pimpinan Pengawas Nashid Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Al-Ustadz Awang Abdul Kadir bin Awang.

Sa-bagai menghargai terhadap kesudian Al-Ustadz Sonhadji Mohamed menghadhiri majlis tersebut dan juga melafadzkan Sharahan Khas di-majlis itu, maka Pengerusi Majlis, Chegu Abdul Wahab bin Mohamed, bagi pehak Ahli2 Jawatan Kuasa Sambutan dan pendudok2 Kampong Keriam telah menghadiahkan sa-buah Chenderamata kapada Al-Ustadz Ahmad Sonhadji Mohamed di-majlis tersebut.

Majlis itu di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Imam Masjid Keriam, Awang Ahmad bin Jumat.

Kemudian para hadhirin di-jemput ka-Sekolah Melayu Keriam untok menekmati jamuan rengan.

Pada sa-belah malam hari tersebut, satu pertunjokkan Wayang Gambar Jabaan Hal Ehwal Ugama Brunei, telah di-adakan di-Dewan Persatuan Melayu Keriam.

# SAMBUTAN MAULUD DI-BENGKURONG

KAMPONG BENGKURONG. — Ramai para jemputan dan pendudok2 Kampong Bengkurong serta kampong2 yang berhampiran telah hadhir di-majlis Sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., di-bawah anjoran pendudok2 kampong itu di-halaman Sekolah Melayu Bengkurong pada pagi hari Juma'at 29 Julai yang lalu.

Kemunchak dari sambutan tersebut ia-lah satu Sharahan Khas oleh Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Awang Mohamed Zain bin Haji Serud-din.

Sa-lain daripada memberikan sharahan berkenaan dengan riwayat hidup Junjongan Besar kita Nabi Mohamed s.a.w., Awang Haji Mohamed Zain telah memberikan berbagai2 nasehat yang berfaedah terhadap ibu-bapa dan penjaga kanak2 berkenaan dengan pendidekan anak2 mereka.

Awang Haji Mohamed Zain juga telah memberikan penerangan berkenaan dengan usaha2 yang di-laksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei mengenai kemajuan Pelajaran Ugama Islam di-negeri ini.

Awang Sahari bin Idris telah memberikan uchapan di-majlis tersebut selaku Wakil pendudok2 Gabongan Empat Kampong Bersatu, ia-itu Kampong2 Telanai, Mediwa, Tasek Meradun dan Bengkurong.

Majlis sambutan tersebut di-mulai dengan Bachaan Al-Koran oleh Awang Gafar bin Ghani.

Kemudian Pengerusi Jawatan Kuasa Sambutan itu, Chegu Jumat bin Tudin, Guru Besar, Sekolah Melayu Bengkurong telah beruchap.

Turut juga memberikan uchapan ia-lah Setia Usaha Sambutan itu, Chegu Adanan Md. Yassin, Guru Besar Sekolah Ugama Bengkurong.

Awang Anuar bin Md. Yusof dan rakan2-nya telah mempersembahkan Selawat Pujian2 Kelahiran Nabi Mohamed s.a.w., di-majlis itu.

Majlis itu di-akhiri dengan Do'a Selamat oleh Yang Di-Muliakan Pehin Tuan Imam Haji Md. Yusof bin Pehin Seri Wangsa Awang Haji Mohamed.

Sa-lepas itu sekalian yang hadhir telah menghadhiri jamuan makan di-Sekolah Melayu Bengkurong.

# Majlis Diskusi Anjoran B.B.D.K.M. Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin

BANDAR BRUNEI. — Seksi Bahasa dan Kesusasteraan, Badan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei akan mengadakan satu "MAJLIS DISKUSI" pada julong2 kali-nya bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada jam 2-30 petang hari Ahad 7 Ogos, 1966.

Projek ini ia-lah sa-bagai melaksanakan chita2 badan Bahasa dan Kesusasteraan itu dalam Undang2 Badan tersebut, ia-itu "Berusaha mengadakan forum, diskusi, sharahan2 yang khusus mengenai Bahasa dan Kesusasteraan Melayu".

Buku yang akan di-bicharakan itu ia-lah "*Warna Suasana*", ia-itu sa-buah ANTOLOJI SAJAK hasil karya Masuri S.N., yang sekarang ini menjadi sa-buah buku pelajaran pelajar2 yang akan memasoki Pepereksaan Sijil Seberang Laut bagi tahun 1966/1967.

Buku tersebut akan di-bicharakan oleh Awang Mahmud Bakyr dari Dewan Bahasa dan Pusaka, Brunei.

Seluroh pelajar Tanah Ayer dari Sekolah2 Menengah Melayu dan Inggeris, terutama sekali chalon2 yang akan memasoki pepereksaan S.S.L. serta peminat2-nya ada-lah di-jemput hadhir ka-majlis tersebut.

# BERLATEH DI-MANILA

BERAKAS. — Dua orang Pegawai2 Kehutanan, Awang Sulaiman bin Ahai dan Awang Hafneh Salleh telah berlepas ka-Manila dengan kapal terbang baru2 ini untok berlateh mengenai hal ehwal kehutanan di-Maktab Kehutanan Universiti Manila sa-lama empat tahun hingga memperolehi Degree B.Sc. (Kehutanan).



Awang Sulaiman bin Ahai



Awang Hafneh Salleh

# Perlawanan Bola Sepak di-Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Jadual Perlawanan Bola Sepak League anjoran League Bola Sepak Amateur Daerah Belait pada hari Sabtu 6 Ogos, hari Selasa 9 Ogos dan hari Sabtu 13 Ogos ada-lah saperti di-bawah ini:

6 OGOS

(*a*) Pasokan 2/6 Gurkha Rifles melawan Klab Dayak Shell di-Padang Marina. Pengadil—Pengiran Besar.

(*b*) Jabatan Kerja Raya "A" melawan Pulis Di-Raja di-Padang Kuala Belait Recreation Club. Pengadil—Awang Salleh.

(*c*) Pasokan Bekas Penuntut Sekolah Saint Michael melawan Maktab Anthony Abell, Seria di-Padang Arena. Pengadil—Awang Ibrahim.

(*d*) Klab Dayak Shell melawan Klab Melayu Shell "B" di-Padang Shell Recreation Club, Seria. Pengadil—Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar.

9 OGOS

(*a*) Pasokan Bekas Penuntut Sekolah Saint Michael melawan Jabatan Kerja Raya "B" di-Padang Arena. Pengadil—A. K. M. Salim.

(*b*) Klab Melayu Shell "A" melawan Pasokan 2/6 Gurkha Rifles di-Padang Shell Recreation Club, Seria. Pengadil—Awang R. G. Clark.

(c) Kuala Belait Recreation Club melawan Jabatan Kerja Raya "A" di-Padang Kuala Belait Recreation Club. Pengadil—Inspektor Abu Zar bin Abu Bakar.

13 OGOS

(*a*) Klab Melayu Shell "A" melawan Pasokan Bekas Penuntut Sekolah Saint Michael di-Padang Arena. Pengadil—Awang R. G. Clark.

(*b*) Pasokan 2/6 Gurkha Rifles melawan Panaga Club di-Padang Panaga. Pengadil—Pengiran Besar.



# Mengatasi Burnout : Mengembalikan semangat dan motivasi

**Oleh : Unit Promosi dan Perhubungan, Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei**
**Foto : Ihsan Unit Promosi dan Perhubungan, Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam**

**Burnout di era moden**

**BERAPA** ramai dalam kalangan kita yang sedang bertarung dengan *burnout* sehingga hilang semangat dan minat dalam tugas harian? Istilah *burnout* sering didengari di era moden ini dengan kemajuan teknologi yang memerlukan kita bergerak dengan pantas. *Burnout* atau keletihan yang keterlaluan merujuk kepada keletihan emosi, mental dan fizikal disebabkan oleh tekanan yang berlebihan dan berterusan dalam jangka panjang. Ia membuatkan individu hilang motivasi dan ia boleh berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan seperti di tempat kerja, rumah dan sebagainya.

Beberapa kajian mendapati bahawa tahap *burnout* semakin meningkat dalam pelbagai profesion selepas pandemik COVID-19 seperti yang dinyatakan oleh American Psychological Association (2022). Ini adalah membimbangkan kerana *burnout* boleh menjejaskan kesihatan mental dan fizikal seperti mengalami kemurungan dan meningkatkan risiko untuk menghadapi penyakit kronik serta menjejaskan hubungan sosial dan produktiviti kerja (Psychology Today, 2022).

Terdapat tiga jenis gejala *burnout* iaitu dari segi fizikal, emosi dan tingkah laku. Tanda-tanda fizikal adalah seperti sentiasa berasa letih, kerap sakit kepala dan perubahan selera makan atau tabiat tidur. Manakala beberapa tanda-tanda emosi adalah sering berasa gagal dan meragui diri sendiri, berasa tidak berdaya, hilang motivasi dan memiliki perspektif yang negatif. Simptom dari segi tingkah laku pula adalah seperti menarik diri dari tanggungjawab, kerap mengasingkan diri, berlengah-lengah dan mengambil masa yang lebih lama untuk menyelesaikan sesuatu.

**Perbezaan di antara**
***burnout (keletihan yang keterlaluan) dan stres (tekanan yang berlebihan)***

Keletihan yang berlebihan atau *burnout* berlaku akibat kesan daripada tekanan yang berlarutan dalam jangka masa yang panjang sehingga mempunyai impak kepada emosi, mental dan fizikal seseorang individu seperti perasaan tidak berdaya, kurang bersemangat, bersifat sinis atau mudah berputus asa (Helpguide, 2025). Keletihan berterusan boleh menyebabkan seseorang terhalang daripada melakukan penambahbaikan kerana mempunyai tanggapan negatif terhadap kemampuan diri atau keadaan di sekeliling sehingga diselubungi dengan perasaan kekosongan (*detachment*) sewaktu melakukan tugasan ataupun rutin seharian.

Manakala, stres berlaku akibat tekanan mendadak yang melibatkan reaksi fizikal atau emosi terhadap bebanan yang dialami. Durasi stres juga adalah dalam jangka masa yang singkat dan boleh dipulihkan dengan cara mengambil masa untuk berehat atau mendapatkan sokongan dari orang yang dipercayai. Kelazimannya stres bersifat sementara dan berkaitan dengan situasi tertentu. Tahap tekanan juga boleh reda jika punca yang menyebabkan tekanan dikenal pasti dan dihindari.

Perbezaan stres dan *burnout* mungkin boleh diterangkan dengan lebih jelas melalui analogi yang mana stres umpama api yang sedang menyala dengan kuat dan mempunyai haba yang panas tetapi terkawal. Manakala, *burnout* ibarat api yang telah lama padam menunjukkan sudah tidak ada lagi tenaga ataupun cahaya.

**Kesan daripada *burnout***

Di dalam arus kehidupan, memang sudah menjadi lumrah ada hari yang baik dan ada juga hari yang kurang baik. Pada hari yang baik, *kitani* mungkin akan berasa lebih bertenaga dan bersemangat tetapi ada juga harinya seolah-olah ada awan yang gelap dan tebal sedang menghampiri. Ini boleh menyebabkan *kitani* berasa kurang motivasi sehingga terpaksa mengumpulkan segala daya tenaga yang ada untuk memaksa diri bangun dari tempat istirahat. Jika perasaan ini kerap kali berlaku, berkemungkinan awda mengalami *burnout*.

*Burnout* boleh terjadi akibat tuntutan atau ekspektasi yang tinggi terhadap seseorang seperti memikul pelbagai tanggungjawab kerana dianggap sebagai pencari nafkah utama di dalam keluarga atau situasi di tempat kerja seperti tidak ada masa untuk berehat disebabkan banyak tugasan yang perlu disiapkan dengan segera. Ciri-ciri personaliti juga boleh menjadi punca *burnout* terjadi seperti sikap *perfectionist*, keperluan untuk mengawal keadaan atau keengganan untuk delegasi sesuatu tugasan kerana kurang keyakinan kepada pihak yang lain.

Kesan negatif daripada keletihan yang melampau ibarat virus yang boleh merebak di dalam semua aspek kehidupan termasuk di dalam hubungan sosial. Dari segi fizikal pula, seseorang yang mengalami *burnout* boleh menyebabkan gangguan tidur (*insomnia*), sistem imun menjadi lemah dan mudah terdedah kepada penyakit seperti demam selesema. Jika awda mengalami simptom *burnout*, ia perlu diberikan perhatian dan ditangani dengan segera sebelum ia terlambat.

**Tip untuk mengatasi *burnout***

Apabila awda berasa *burnout*, mungkin semua masalah kelihatan sukar untuk diatasi dan awda rasa tidak berdaya untuk melakukan apa-apa. Namun disarankan untuk bawa berehat sebentar dan kumpulkan tenaga sebanyak mungkin untuk membantu diri awda mengatasi burnout kerana ia tidak akan hilang dengan sendirinya tanpa mengambil tindakan.

Terdapat beberapa strategi yang boleh membantu mengatasi dan mengelakkan *burnout* serta mendapatkan semula semangat dan motivasi demi kesejahteraan diri awda iaitu seperti :

**1. Bercakap dengan orang yang dipercayai.** *Burnout* boleh membuatkan awda berasa sukar untuk memikirkan cara bagi mengatasinya. Oleh itu, melibatkan orang yang awda percayai boleh membuatkan awda berasa disokong dan tidak keseorangan serta membantu memikirkan cara untuk mengatasinya. Mungkin mereka sendiri pernah mengalami *burnout* dan dapat mengongsikan beberapa pandangan yang membantu.

**2. Dapatkan bantuan profesional.** Jika awda berasa tertekan dengan *burnout* dan tidak tahu siapa yang dapat dipercayai untuk berkongsi masalah, awda boleh mendapatkan bantuan profesional seperti kaunselor dan psikologis. Bantuan profesional dapat membantu mengenal pasti punca *burnout* dan bagaimana awda boleh mengawalnya serta memberi sokongan emosi di samping menjaga kerahsiaan isu awda.

**3. Mengubah perspektif awda terhadap kerja.** Fokus kepada aspek pekerjaan yang awda gemari, walaupun hanya meluangkan masa dengan rakan sekerja. Juga beri tumpuan kepada bagaimana peranan awda membantu di tempat kerja agar tidak terlalu fokus kepada sisi negatif sahaja. Di masa yang sama, cari keseimbangan dalam hidup dan bukan hanya fokus pada pekerjaan. Cari kepuasan dari aspek lain selain daripada pekerjaan seperti meluangkan masa dengan keluarga dan kawan-kawan serta melakukan aktiviti kegemaran awda.

**4. Menilai semula perkara yang utama.** Luangkan masa untuk meneliti kembali harapan, impian dan matlamat awda. Adakah perkara-perkara penting yang telah awda abaikan tanpa disedari? Ambil sedikit waktu untuk mengenal pasti aktiviti yang membuat awda rasa gembira suatu ketika dahulu. Kreativiti boleh menjadi penawar untuk *burnout* seperti mencuba perkara baharu, memulakan projek yang menyeronokkan atau sambung semula hobi yang terhenti. Izinkan diri awda untuk beristirahat, bermuhasabah dan memperbaiki keadaan masa kini.

**5. Memulihkan tenaga dan emosi dengan pemakanan yang sihat.** Kurangkan pengambilan gula yang tinggi dan makanan yang berlemak atau diproses seperti kafein, kentang goreng atau nuget kerana ia boleh mengganggu emosi dan menyebabkan awda cepat berasa letih. Banyakkan makanan yang mempunyai Omega-3 seperti ikan salmon, rumpai laut, *flaxseed* atau *walnut* untuk mengembalikan semangat dan tenaga.

**6. Bersenam untuk tenangkan fikiran.** Bersenam adalah penawar yang paling bagus untuk menghindari daripada *burnout*. Melakukan senaman selama 30 minit dalam sehari atau berjalan kaki dalam 10 minit sahaja setiap hari boleh membantu untuk menstabilkan emosi awda.

# SEMANGAT KERJASAMA BERPASUKAN JAYAKAN PERSEMBAHAN KHAS

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

**BELAIT**, Sabtu, 1 Ogos. - Suasana penuh meriah, harmoni dan semangat patriotisme menyelubungi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Belait apabila Persembahan Khas bertemakan 'Raja Terbilang, Rakyat Gemilang' berjaya mencuri tumpuan, sekali gus menggambarkan hubungan erat yang sekian lama terjalin antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rakyat jelata.

Persembahan yang menjadi antara acara kemuncak majlis itu bukan sekadar hiburan, malah membawa mesej mendalam mengenai kesetiaan, kasih sayang serta perpaduan yang menjadi teras keharmonian Negara Brunei Darussalam. Gabungan persembahan tarian kontemporari, elemen lakonan dan nyanyian lagu tema berjaya menyemarakkan lagi suasana majlis yang berlangsung dalam penuh kemesraan.



AWANG Nazmi Hilman dan Awang Muhammad Auf bin Haji Ismail (atas kiri dan atas kanan).

Pengurus Persembahan, Awang Mohammad Yussof bin Yaakub menjelaskan bahawa konsep persembahan dirancang berdasarkan penelitian terhadap persembahan terdahulu bagi menghasilkan pembaharuan yang lebih segar. Beliau berkata, tema 'Raja Terbilang, Rakyat Gemilang' diterjemahkan melalui gerak tari yang melambangkan rakyat menyambut keberangkatan serta mendaulatkan raja yang dikasihi dan dihormati.

Menurutnya, persembahan itu turut mencerminkan semangat generasi belia Brunei yang proaktif, dinamik dan berwawasan, sekali gus menggambarkan penghargaan rakyat terhadap kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan kemakmuran negara.

Walaupun tempoh persiapan kurang daripada tiga minggu, komitmen tinggi semua pihak membolehkan persembahan tersebut dipersembahkan dengan penuh keyakinan dan penghayatan. Seramai 350 peserta terdiri daripada murid sekolah rendah, penuntut sekolah menengah kerajaan dan swasta serta pelajar institusi pengajian tinggi di Daerah Belait berganding bahu menjayakan persembahan istimewa berkenaan.

Tambahnya, setiap ekspresi dan pergerakan peserta mencerminkan kasih sayang serta kesetiaan rakyat kepada institusi beraja, di samping memperlihatkan semangat perpaduan yang menjadi tunjang negara.

Keistimewaan persembahan itu turut diserikan dengan lagu tema 'Raja Terbilang, Rakyat Gemilang', hasil ciptaan komposer muda tempatan, Awang Nazmi Hilman, yang turut bertindak sebagai penulis lirik, penyusun muzik dan pemain *keyboard*.

Awang Nazmi Hilman berkata, karya tersebut dihasilkan bagi menterjemahkan tema majlis ke dalam sebuah lagu yang mudah dihayati oleh semua lapisan masyarakat, sekali gus menyemarakkan semangat kebersamaan serta rasa syukur terhadap keamanan dan kemakmuran yang dinikmati Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya lagi, keseluruhan proses menghasilkan lagu berkenaan, bermula daripada penulisan lirik sehingga penyusunan muzik, mengambil masa sekitar dua hingga tiga minggu dengan setiap bahagian diberikan penelitian yang rapi bagi memastikan mesej yang disampaikan benar-benar selari dengan aspirasi majlis.

Beliau turut menyifatkan peluang menyaksikan lagu ciptaannya dipersembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai satu penghormatan yang amat besar dan pengalaman yang sangat bermakna dalam perjalanan kerjayanya sebagai komposer.

Lagu tema tersebut disampaikan dengan penuh penghayatan oleh pasangan penyanyi Awang Muhammad Auf bin Haji Ismail dan Dayang Nur Syamimi binti Abd. Wahab.

Awang Muhammad Auf berkata, peluang menyampaikan lagu ciptaan khas itu Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan penghormatan terbesar sepanjang penglibatannya dalam bidang seni. Beliau menjelaskan bahawa latihan intensif telah dimulakan sejak bulan Jun bagi memperkukuhkan teknik vokal, keserasian persembahan duet dan penghayatan terhadap setiap bait lirik.



DAYANG Nur Syamimi binti Abd. Wahab semasa ditemu bual.

Sementara itu, Dayang Nur Syamimi menyifatkan pemilihannya sebagai penyanyi utama dalam persembahan tersebut sebagai satu penghargaan yang amat bermakna. Beliau berkata, setiap bait lirik membawa mesej kasih sayang, kesetiaan dan hubungan erat antara raja dan rakyat, justeru memerlukan penghayatan yang mendalam agar dapat disampaikan dengan penuh berkesan.



PENGURUS Persembahan, Awang Mohammad Yussof bin Yaakub.

Persembahan Khas itu bukan sahaja berjaya menghiburkan para hadirin, malah menjadi lambang kukuhnya ikatan kasih sayang, kepercayaan dan kesetiaan antara raja dan rakyat yang terus menjadi asas kepada keamanan, perpaduan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam.

Sorakan gemuruh, tepukan para penonton serta penghayatan yang dipamerkan oleh para peserta sepanjang persembahan jelas mencerminkan rasa syukur dan bangga rakyat atas nikmat hidup dalam sebuah negara yang aman di bawah kepimpinan raja yang adil, prihatin dan berwawasan.

Persembahan itu sekali gus menjadi manifestasi semangat kebersamaan yang terus menyatukan rakyat dengan institusi beraja demi kemajuan dan kesejahteraan negara.

# Teruja, gembira bertemu raja dikasihi

**BELAIT**, Sabtu, 1 Ogos. - Suasana penuh kemeriahan dan semangat patriotik memenuhi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk di Daerah Belait sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun. Majlis tersebut bukan sahaja menghimpunkan ribuan rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat, malah menjadi lambang kukuhnya hubungan erat antara raja dan rakyat.

Golongan belia dan penuntut sekolah turut memainkan peranan penting dalam menyemarakkan majlis. Awang Muhammad Khairul Amirin bin Muhammad Muizzuddin dari Tahun 10D dan Awang Syazwan bin Adam dari Tahun 9C, kedua-duanya penuntut di Maktab Anthony Abell, Seria, menzahirkan rasa gembira kerana berpeluang menyertai majlis berkenaan.

Menurut mereka, peluang menyaksikan sendiri keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta menjadi sebahagian daripada sambutan bersejarah itu merupakan pengalaman yang amat bermakna dan sukar dilupakan. Sebagai generasi muda, mereka menghargai peluang tersebut kerana dapat memupuk semangat cintakan raja dan negara.

Guru Kanan Hal Ehwal Pelajar merangkap guru Pendidikan Jasmani, Maktab Anthony Abell, Awang Abdul Hakim bin Haji Ahmad, menjelaskan bahawa penyertaan para penuntut dalam majlis berkenaan bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk sama-sama menyemarakkan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di samping memupuk nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Beliau berkata, penglibatan secara langsung dalam majlis kenegaraan seperti itu memberikan pengalaman pembelajaran yang tidak dapat diperoleh di dalam bilik darjah, sekali gus membentuk jati diri, semangat patriotisme dan rasa kasih terhadap institusi beraja.

Selain mengambil bahagian dalam pengibaran bendera kecil, para penuntut Maktab Anthony Abell turut menyertai persembahan koir. Secara keseluruhannya, kira-kira 250 orang penuntut dari Tahun 7 hingga Tahun 11 terlibat dalam pelbagai pengisian majlis.

Turut berkongsi kegembiraan ialah Dayang Nurizah binti Abdullah, 63 tahun, dari Kampung Pandan 8, yang berkata beliau tidak pernah melepaskan peluang menghadiri Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk setiap kali diadakan.



Beliau yang hadir bersama ahli keluarganya mengakui amat teruja apabila berpeluang melihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bercemar duli bersama rakyat.

"Saya sentiasa mendoakan agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala, dipanjangkan usia, dikurniakan kesihatan yang berpanjangan serta terus diberikan kekuatan untuk memimpin negara dan seluruh rakyat Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

Bagi Awang Haji Mohamad Shah Rizal bin Haji Abu Bakar pula, majlis berkenaan menjadi platform terbaik bagi rakyat melahirkan rasa syukur dan penghargaan terhadap kepimpinan Kebawah DYMM yang sentiasa mengutamakan kemajuan, kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

Beliau berkata, baginda merupakan raja yang amat disayangi oleh seluruh lapisan masyarakat, justeru majlis seperti ini sentiasa dinanti-nantikan kerana memberi peluang kepada rakyat untuk melihat baginda dari dekat serta menyampaikan sembah ucapan tahniah sempena Hari Keputeraan baginda.

Sebagai Ahli Majlis Perundingan Kampung Bukit Sawat, beliau turut terlibat mempersembahkan paluan gendang tradisional puak Dusun bagi menyambut keberangkatan Kebawah DYMM.

Katanya, pelbagai irama tradisional dimainkan sepanjang majlis, antaranya lagu 'Raja Lalu' sebagai simbol mengalu-alukan keberangkatan baginda ke daerah tersebut, selain lagu 'Takinjol', 'Ibang-Ibang', 'Gendang Parang' dan beberapa lagi rentak tradisional yang menambahkan kemeriahan suasana.



DAYANG Nurizah binti Abdullah bersama keluarga (atas). Manakala gambar kanan, Awang Muhammad Khairul Amirin bin Muhammad Muizzuddin dan Awang Syazwan bin Adam.



Beliau turut bersyukur atas pelbagai pembangunan yang telah dinikmati oleh penduduk Kampung Bukit Sawat hasil keprihatinan kerajaan di bawah kepimpinan Kebawah DYMM, yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat di seluruh negara, khususnya di Daerah Belait.

Sementara itu, seorang guru Sekolah Menengah Chung Hwa Kuala Belait yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Melayu Islam Beraja, Awang Muhammad Adi Amni bin Morni berpendapat bahawa penyertaan generasi muda dalam majlis seumpama ini amat signifikan dalam memupuk rasa cinta kepada raja dan negara.

Menurutnya, Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk memperlihatkan sifat Kebawah DYMM yang sentiasa dekat dengan rakyat tanpa mengira usia dan latar belakang.

Beliau berkata, layanan mesra baginda terhadap para peserta, termasuk bersalaman dan memberikan kata-kata semangat kepada mereka yang terlibat dalam persembahan, jelas mencerminkan sifat pemedulian dan kasih sayang seorang raja terhadap rakyatnya.

Katanya lagi, detik-detik tersebut bukan sahaja mengeratkan hubungan silaturahim antara raja dan rakyat, malah menyemarakkan lagi semangat untuk terus mendaulatkan institusi beraja serta mengekalkan warisan MIB yang menjadi tunjang keharmonian Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat dan Penduduk menjadi wadah dan bukti bahawa hubungan antara Kebawah DYMM dan rakyat bukan sekadar berteraskan pemerintahan, malah diperkukuhkan dengan kasih sayang, kepercayaan serta penghormatan yang diwarisi dari satu generasi ke satu generasi.



AWANG Muhammad Adi Amni bin Morni dan Awang Abdul Hakim bin Haji Ahmad semasa ditemu bual (kiri sekali dan kiri). Manakala gambar kanan, Awang Haji Mohamad Shah Rizal bin Haji Abu Bakar.

BERITA GLOBAL

# SOMALIA, AGENSI PBB METERAI PERATURAN BAHARU GALAK PENYUSUSAN SUSU IBU

**MOGADISHU (Somalia)**, 2 Ogos. - Somalia, bersama UNICEF dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), secara rasmi menandatangani dan melancarkan Peraturan Pengganti Susu Ibu (BMS) kebangsaan pada Sabtu untuk mengawal ketat pemasaran formuladan melindungi kesihatan kanak-kanak di seluruh negara, lapor Xinhua.

Peraturan yang ditandatangani semasa permulaan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2026 peringkat kebangsaan, menandakan pencapaian penting bagi Somalia dan mengukuhkan komitmen negara untuk melindungi, mempromosikan dan menyokong penyusuan susu ibu.

Ali Haji Adam, menteri kesihatan dan perkhidmatan manusia Somalia, berkata penyusuan susu ibu adalah salah satu intervensi paling berkesan untuk memastikan kanak-kanak terus hidup, membesar dan berkembang maju.

Adam berkata pemeteraian Peraturan BMS menandakan kejayaan bersejarah dalam usaha Somalia untuk melindungi, menggalakkan dan menyokong penyusuan susu ibu serta melindungi hak setiap kanak-kanak untuk permulaan terbaik dalam kehidupan.

Pencapaian ini berlaku apabila Somalia menyertai komuniti global dalam melaksanakan Minggu Penyusuan Susu Sedunia (1-7 Ogos) di bawah tema "Breastfeeding for a Sustainable Start in Life: Strengthen What Works".

Wakil WHO ke Somalia, Kamil Mohamed, mengesahkan komitmen berterusan WHO untuk membantu Somalia melaksanakan dasar berasaskan bukti dan mengukuhkan sistem kesihatan untuk melindungi, menggalakkan dan menyokong amalan pemakanan bayi yang optimum.

Wakil UNICEF ke Somalia, Sandra Lattouf, menyifatkan penggunaan peraturan BMS sebagai langkah utama ke arah melindungi penyusuan susu ibu, dengan menyatakan bahawa pemakanan bayi yang optimum memberikan imuniti penting dan menyelamatkan nyawa anak kecil. - ©BERNAMA

# Zimbabwe, Malaysia runding MoU tingkatkan kerjasama media, penyiaran

**KUALA LUMPUR**, 1 Ogos. - Zimbabwe dan Malaysia sedang merundingkan satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperdalam kerjasama dalam bidang media dan penyiaran, kata Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan, Publisiti dan Penyiaran Zimbabwe, Nick Mangwana.

MoU yang dicadangkan antara Kementerian Komunikasi Malaysia dan Kementerian Penerangan, Publisiti dan Penyiaran Zimbabwe itu bakal memperkukuh kerjasama antara institusi media dan wartawan, sekali gus meluaskan hubungan dua hala melangkaui peringkat kerajaan ke kerajaan (G2G) kepada peringkat institusi ke institusi dan rakyat ke rakyat.

"Kami mahu memperluaskannya ke peringkat bawah iaitu sesama individu, rakyat ke rakyat, serta institusi ke institusi," katanya dalam satu temu bual pada program "The Nation Diplomatic Dispatch" terbitan Bernama TV bertajuk "Zimbabwe's Vision for Modern Broadcasting" yang disiarkan pada Jumaat.

Mangwana berkata rangka kerja yang dicadangkan itu juga akan membuka peluang baharu dalam mempromosikan sektor pelancongan, pelaburan dan perdagangan antara kedua-dua negara.

"Hubungan ini, apabila diwujudkan atau dirangkakan dalam MoU, kemudiannya akan diterjemahkan kepada peringkat institusi dan seterusnya wartawan dengan wartawan. Wartawan seterusnya akan membantu meningkatkan sektor pelancongan, pelaburan dan perdagangan antara kedua-dua negara," katanya.

Selain memperkukuh hubungan dua hala, Mangwana berkata kerjasama media turut memainkan peranan penting dalam menyampaikan gambaran yang lebih tepat mengenai Zimbabwe dan benua Afrika kepada khalayak di Malaysia.

Beliau berkata Zimbabwe tidak sepatutnya dilihat hanya menerusi stereotaip umum mengenai Afrika, kerana setiap negara di benua itu mempunyai identiti, kekuatan dan keadaan yang tersendiri.

"Zimbabwe bukanlah mewakili keseluruhan Afrika. Kita perlu menceritakan kepelbagaian itu. Kami kena tunjukkan bahawa Afrika bukanlah sebuah negara yang besar dan stereotaip yang digunakan untuk menggambarkan masyarakat Afrika adalah tidak sama," katanya.

Mangwana berkata organisasi media yang dipercayai seperti Bernama boleh membantu memperkenalkan Zimbabwe secara terus kepada khalayak Malaysia, sekali gus menggalakkan lebih banyak pertukaran pelancongan dan hubungan antara rakyat.

Beliau berkata pelabur dan syarikat Malaysia sudah pun bertapak di Zimbabwe, manakala ramai rakyat negara itu telah melanjutkan pengajian tinggi di Malaysia sejak bertahun-tahun.

"Kami mahu melihat lebih ramai pelancong Malaysia datang ke Zimbabwe, dan sudah tentu pelancong Zimbabwe ke Malaysia. Begitu juga kita mahu melihat kehadiran pelajar Malaysia di Zimbabwe," katanya.

Melihat melangkaui kerjasama dua hala, Mangwana berkata Zimbabwe sedang bersiap sedia untuk memainkan peranan lebih besar di peringkat antarabangsa apabila bakal menjadi anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) pada 2027.

"Kami mewakili rantau kami terlebih dahulu, dan keduanya mewakili negara-negara Selatan Global. Kami akan menjadi suara kepada Selatan Global," katanya. - ©BERNAMA

# Eropah Barat alami pemanasan lebih pantas, risiko kebakaran hutan meningkat - Pakar

**BARCELONA (SEPANYOL)**, 1 Ogos. - Eropah Barat mengalami pemanasan lebih pantas berbanding kebanyakan kawasan lain di dunia, sekali gus mencetuskan gelombang haba lebih kerap dan meningkatkan risiko kebakaran hutan yang semakin serius, kata pakar iklim Sepanyol Ruben del Campo.

Jurucakap Agensi Meteorologi Negara Sepanyol (AEMET), Del Campo berkata keadaan itu dapat dilihat ketika Sepanyol dijangka mengalami gelombang haba keempat musim panas ini pada penghujung Julai, dengan suhu diramal mencecah 42 darjah Celsius di banyak kawasan.

Menurut AEMET, Jun 2026 merupakan bulan Jun kedua terpanas dan ketiga paling kering di Sepanyol sejak rekod kebangsaan bermula pada 1961.

Cuaca panas melampau turut mencetuskan kebakaran hutan yang memaksa hampir 200,000 penduduk meninggalkan kediaman mereka di Sepanyol dan selatan Republik Perancis setakat musim panas ini.

"Beberapa kajian menunjukkan Eropah Barat termasuk United Kingdom, Republik Perancis, Republik Itali, Sepanyol dan Portugal, memanas lebih pantas berbanding banyak kawasan lain di dunia dan lebih terdedah kepada gelombang haba," katanya kepada Xinhua pada Jumaat.

Beliau berkata negara di sekitar Mediterranean antara yang paling terdedah kepada gelombang haba dalam keadaan iklim semasa, dengan suhu di beberapa kawasan di Sepanyol sudah mencecah 35 darjah Celsius pada akhir Mei.

Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) memaklumkan suhu di Eropah secara keseluruhan meningkat kira-kira dua darjah Celsius sejak gelombang haba bersejarah pada 1976, terutama akibat perubahan iklim.

"Terdapat kaitan jelas dengan perubahan iklim. Peningkatan suhu purata akan menyebabkan kejadian haba melampau bertambah dan itulah yang sedang kita saksikan," kata del Campo.

Suhu tinggi, kelembapan rendah dan angin kencang mewujudkan keadaan yang memudahkan kebakaran hutan tercetus di seluruh Eropah.

Menurut beliau, cuaca panas dan kemarau yang bermula lebih awal menyebabkan rumput serta pokok renek cepat kering, sekali gus membolehkan api merebak dengan pantas dan menyukarkan usaha pemadaman.

Del Campo memberi amaran bahawa ancaman kebakaran hutan dijangka berterusan sepanjang Ogos berikutan suhu tinggi dan keadaan cuaca yang terus mendorong kebakaran berskala besar.

Menjelang akhir Julai, hampir 180,000 hektar kawasan di Sepanyol musnah akibat kebakaran hutan, kira-kira enam kali ganda berbanding 29,817 hektar dalam tempoh sama pada 2025, menurut Kementerian Peralihan Ekologi dan Cabaran Demografi Sepanyol. - ©BERNAMA

# Hampir semua migran pulang ke Maghribi dari Ceuta - Sepanyol

**GENEVA/LONDON**, 1 Ogos. - Hampir semua migran yang memasuki Ceuta telah pulang ke Maghribi, kata Menteri Luar Sepanyol Jose Manuel Albares pada Jumaat sambil menggesa agar penyebaran maklumat palsu secara sengaja dihentikan.

"Tidak mungkin seseorang bergerak dari Ceuta dan Melilla ke tanah besar Sepanyol tanpa melalui proses pengenalan diri di pusat pemeriksaan polis.

"Keutuhan Kawasan Schengen terjamin sepenuhnya. Cukuplah dengan penyebaran maklumat palsu yang disengajakan," kata beliau menerusi platform X, menurut Anadolu Ajansi.

Agensi berita Sepanyol EFE sebelum ini melaporkan ratusan pendatang tanpa izin menuju ke sempadan pada petang Jumaat untuk pulang ke Maghribi, susulan perjanjian penghantaran pulang antara kedua-dua negara.

Pengawal Awam Sepanyol dan Kumpulan Regulares No. 54 tentera negara itu dikerahkan di sepanjang kawasan Pantai Tarajal bagi menghalang kemasukan lanjut melalui laut.

Menurut pihak berkuasa Sepanyol, sekurang-kurangnya 57 orang terkorban dalam krisis migrasi berkenaan.

Perdana Menteri Sepanyol Pedro Sanchez pada Jumaat menyifatkan kemasukan beramai-ramai pendatang tanpa izin ke Ceuta sejak Khamis sebagai "satu serangan" dan "pencabulan keutuhan wilayah Sepanyol", sambil berikrar akan memulihkan keadaan seperti sediakala secepat mungkin. - ©BERNAMA

# Gempa bumi magnitud 5.5 landa wilayah Pulau Vancouver, Kanada

**BEIJING**, 1 Ogos. - Gempa bumi bermagnitud 5.5 melanda wilayah Pulau Vancouver, Kanada pada 4.49 pagi GMT Sabtu, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman (GFZ), lapor Xinhua.

Pusat gempa berada pada kedalaman 10 kilometer dan dikenal pasti terletak pada 49.62 darjah utara dan 129.28 darjah barat. - ©BERNAMA




# 1,200 SERTAI TAIB EMPOWHER RUN 2026



**YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan hadir selaku tetamu kehormat pada TAIB EmpowHer Run (atas). Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir menyertai larian berkenaan yang berlangsung di Jerudong Park Playground sempena Brunei Fitness Festival 2026.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**JERUDONG**, Sabtu, 1 Ogos. - Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya (TGOC), Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) malam tadi menganjurkan TAIB EmpowHer Run edisi kedua berlangsung di Jerudong Park Playground sempena Brunei Fitness Festival 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pelepasan larian, Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani.

Turut hadir, para pegawai dan wakil daripada kementerian - kementerian kerajaan, badan-badan berkanun serta agensi-agensi berkaitan.

Meneruskan kejayaan edisi sulung pada 2025, TAIB Empowher Run 2026 tahun ini menghimpunkan seramai 1,200 peserta dalam satu acara yang penuh bermakna, memberi tumpuan kepada kesihatan, kesejahteraan dan penglibatan komuniti, sambil meraikan pencapaian dan sumbangan wanita.

Edisi larian kali ini turut mencatat sejarah sebagai acara larian malam yang pertama diadakan di Jerudong Park Playground, sekali gus memberikan peserta pengalaman larian yang unik di salah satu destinasi rekreasi ikonik negara.

Berlandaskan semangat Sambutan Hari Wanita Antarabangsa, TAIB EmpowHer Run 2026 terus mengangkat nilai keterangkuman, pemerkasaan dan kesaksamaan, sekali gus mengiktiraf peranan penting wanita dalam memacu perubahan positif dalam keluarga, masyarakat dan negara secara keseluruhannya.

Acara yang dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu Kategori Larian Santai 3 kilometer (km), Kategori Larian Kompetitif 5km dan Kategori Larian Kompetitif 10km berkenaan memberi peluang kepada individu, keluarga dan pasukan korporat untuk bersama-sama mengamalkan serta menyokong gaya hidup sihat dan aktif.

Bagi Kategori Larian Kompetitif 5km, para pemenang menerima hadiah wang tunai berjumlah BND700 bagi tempat pertama, BND400 bagi tempat kedua dan BND200 bagi tempat ketiga.

Sementara itu, pemenang bagi Kategori Larian Kompetitif 10km pula menerima hadiah wang tunai sebanyak BND1,000 bagi tempat pertama, BND600 bagi tempat kedua dan BND400 bagi tempat ketiga.

Sambutan yang amat menggalakkan serta penyertaan yang memberangsangkan berkenaan mencerminkan minat berterusan orang ramai terhadap inisiatif berasaskan komuniti, selaras dengan kejayaan dan sambutan positif yang diterima sejak penganjuran TAIB EmpowHer Run pada tahun yang lalu.

Acara berkenaan turut menegaskan komitmen TGOC dalam mewujudkan platform yang menggalakkan penglibatan bermakna, hubungan sosial dan kesejahteraan diri.

Selain menggalakkan kecergasan fizikal, EmpowHer Run 2026 turut menjadi platform untuk mengiktiraf dan meraikan sumbangan wanita, sambil memupuk semangat perpaduan dan matlamat bersama dalam kalangan peserta.

Seiring dengan usaha negara merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035, inisiatif seperti EmpowHer Run terus memainkan peranan penting dalam menggalakkan gaya hidup aktif, memperkukuh perpaduan masyarakat serta memupuk *inclusivity* demi kemajuan dan kesejahteraan negara.



# Program Kampung Ku Sihat meriahkan Kampung Merangking

**BELAIT**, Ahad, 2 Ogos. - Program Kampung Ku Sihat yang diadakan awal pagi tadi adalah bagi membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan penduduk kampung melalui aktiviti riadah *briskwalk* dan berjalan kaki sejauh 1.5 kilometer yang bermula dan berakhir di Tamu Jati Kampung Merangking.

Antara yang hadir pada acara anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Merangking ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat; Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat dan Ketua Kampung Merangking, Awang Nurulizam bin Abdul Rahman serta lebih 80 penduduk sekitar.

Terdahulu sebelum aktiviti *briskwalk*, satu sesi pemanasan badan diadakan selama 15 minit. Aktiviti berkenaan memberikan pengalaman yang menyeronokkan serta sesuai untuk semua lapisan peringkat umur.

Di samping itu, program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung dan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti komuniti.



**YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir pada acara tersebut (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, sebahagian yang hadir menyertai aktiviti *briskwalk* pada Program Kampung Ku Sihat.**

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menarik kehadiran orang ramai ke Tamu Jati Kampung Merangking iaitu tamu bulanan yang diadakan sekali dalam setiap bulan bagi menyokong peniaga penduduk kampung dan memeriahkan suasana kampung.

Program ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesihatan, mengukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat serta menjadikan Tamu Jati Kampung Merangking sebagai destinasi komuniti yang sentiasa meriah dan mendapat sokongan penduduk kampung serta pengunjung yang datang sambil mengenali tempat-tempat di dalam negara khususnya di pedalaman seperti Kampung Merangking, Ulu Belait ini.

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERWASPADA DENGAN VIDEO YANG DIREKA, DIMANIPULASI MENGGUNAKAN AI